05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN BIMBINGAN KELOMPOK TERHADAP KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR SALAH LAKU DISIPLIN

SARIMAH BINTI ARIFIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Kajian eksperimen praujian dan posujian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan digunakan. Sejumlah 45 orang pelajar tingkatan empat daripada sebuah sekolah menengah di dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu yang dipilih secara persampelan rawak bertujuan. Berdasarkan data Soal Selidik Kecerdasan Emosi, pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan yang dianggotai oleh 30 orang dan 15 orang di dalam kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan menerima rawatan yang diberikan oleh pihak sekolah, namun kumpulan rawatan diberikan 8 sesi bimbingan kelompok berdasarkan modul berpandukan pendekatan pemusatan-insan. Data kuantitatif dikumpul berdasarkan respon pelajar terhadap Soal Selidik Kecerdasan Emosi. Data kajian dianalisis menggunakan ujian-t dengan aras signifikan ditetapkan pada aras .05. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kecerdasan emosi antara praujian dan posujian bagi kumpulan rawatan. Skor min posujian didapati lebih tinggi dibandingkan dengan skor min praujian bagi kumpulan rawatan. Sebaliknya, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min praujian dan posujian yang signifikan bagi kumpulan kawalan. Implikasi kajian adalah bimbingan kelompok ini boleh digunakan berdasarkan modul pendekatan pemusatan-insan boleh membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EFFECTS OF GROUP GUIDANCE ON EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG STUDENTS WITH INDISCIPLINARY CASES

ABSTRACT

This study was conducted to study the effects of group counseling on emotional intelligence among students indisciplinary cases. The prepost treatment and control group experimental study were used. A number of 45 form four students from a secondary school in Kuala Terengganu, Terengganu was chosen through purposive random samping. Based on Emotional Intelligence Questionnaire data, student were divided into two groups, the treatment group which was consisted of 30 students and 15 students in the control group. The treatment group and the control group received the treatment provided by the school, but the treatment group was given 8 sessions of group guidance based on a humanistic approach module. Quantitative data is collected based on student response to the Emotional Intelligence Questionnaire. The data was analysed using t-test at the significant level of .05. The results showed that there is a significant difference in the mean scores of emotional intelligence between the pretest and posttest of the treatment group. The posttest mean score is higher than the pretest mean score in the treatment group. However, the results showed that there is no significant difference in the pretest and posttest mean score in the control group. The implication of the study is that the group guidance based on a humanistic approach module can be used increase the level of emotional intelligence among students with indisciplinary cases.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xv
SENARAI SINGKATAN		xvi
SENARAI LAMPIRAN		xvii
BAB 1	**PENGENALAN**	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	17
1.5	Objektif Kajian	18
1.6	Soalan Kajian	21
1.7	Kepentingan Kajian	25

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Pemboleh ubah 30

1.8.1 Bimbingan Kelompok 30

1.8.2 Kecerdasan Emosi (EQ) 32

1.8.3 Pelajar Salah laku Disiplin 37

1.9 Batasan Kajian 42

1.10 Hipotesis Kajian 43

1.11 Rumusan 46

BAB 2 TEORITIKAL KAJIAN & INTERVENSI BIMBINGAN KELOMPOK

2.1 Pengenalan 48

2.2 Pendekatan Teori Yang Mendasari Intervensi Bimbingan Kelompok 48

2.2.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman 49

2.2.2 Pendekatan Pemusatan Insan 52

2.3 Intervensi Bimbingan Kelompok 55

2.4 Kerangka Teori 58

2.5 Rumusan 60

BAB 3 TINJAUAN LITERATUR

3.1 Pengenalan 61

3.2 Perkaitan Antara Remaja Salah Laku Disiplin Dengan Kecerdasan Emosi 62

3.3 Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Remaja Salah Laku Disiplin 66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4	Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi	70
3.5	Rumusan	72

BAB 4 METODOLOGI

4.1	Pengenalan	73
4.2	Reka Bentuk Kajian	74
4.3	Tempat Kajian	77
4.4	Pemilihan Subjek Kajian	78
4.5	Alat Ujian	81
4.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	86
4.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Kajian	88
4.8	Kajian Rintis	94
4.9	Prosedur Menjalankan Kajian	95
4.10	Penganalisaan Data Statistik	97
4.11	Pengujian Hipotesis	98
4.12	Rangka Rawatan Intervensi	101
4.13	Tahap Perkembangan dalam Proses Kelompok	102
4.14	Matlamat dan Prosedur Kelompok Kawalan	103
4.15	Rumusan	104

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan 105

5.2 Demografi subjek Kajian 106

5.3 Dapatan Analisis Kesan Bimbingan Kelompok Kumpulan Eksperimen Berdasarkan Kepada Hipotesis 107

5.3.1 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Umum 107

5.3.2 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kesedaran Kendiri 112

5.3.3 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Pengawalan Kendiri 117

5.3.4 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Motivasi Diri 121

5.3.5 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Empati 126

5.3.6 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kemahiran Sosial 130

5.4 Rumusan Dapatan Kajian 135

BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan 143

6.2 Sinopsis Kajian 144

6.3 Perbincangan 145

6.3.1 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Umum 146

6.3.2 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kesedaran Kendiri 149

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	6.3.3	Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Pengawalan Kendiri	152
	6.3.4	Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Motivasi Diri	154
	6.3.5	Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Empati	156
	6.3.6	Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kemahiran Sosial	159
6.4	Implikasi		162
	6.4.1	Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Bimbingan Dan Kaunseling	162
	6.4.2	Implikasi Terhadap Pihak Sekolah dan Unit Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah	163
	6.4.3	Implikasi Teoritikal	164
	6.4.4	Implikasi Terhadap Ibu Bapa Dan Masyarakat	164
6.5	Masalah Dalam Menjalankan Kajian		165
6.6	Saranan dan Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang		167
6.7	Rumusan dan Penutup		170

RUJUKAN 172

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Muka Surat
1.1	Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar (2010-2012)	7
1.2	Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar Negeri Terengganu (2013 Dan 2014)	8
1.3	*Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar Mengikut Daerah Di Terengganu (2013 Dan 2014)*	10
1.4	Kategori Dan Jenis Salah Laku Dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid	39
4.1	Reka Bentuk Pra- Pos Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	76
4.2	Taburan Subjek Mengikut Kelompok	79
4.3	Taburan Item Soal Selidik Kecerdasan Emosi	81
4.4	Item Kesedaran Kendiri	82
4.5	Item Pengawalan kendiri	82
4.6	Item Motivasi Diri	83
4.7	Item Empati	84
4.8	Item Kemahiran Sosial	84
4.9	Pemarkatan Soal Selidik Kecerdasan Emosi	85

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10	Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Skor	86
4.11	Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul	90
4.12	Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul	92
4.13	Nilai Kebolehpercayaan Modul	94
4.14	Pemilihan Alat Statistik Yang Sesuai Berdasarkan Skala Pengukuran Mengikut Tuckman (1978)	99
5.1	Data Demografi Subjek Kajian	106
5.2	Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	108
5.3	Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	109
5.4	Ujian-T Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan	110
5.5	Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	111
5.6	Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	113
5.7	Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	114
5.8	Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan	115
5.9	Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	116

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.10	Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	117
5.11	Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	118
5.12	Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan	119
5.13	Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	120
5.14	Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	122
5.15	Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	123
5.16	Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan	124
5.17	Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	125
5.18	Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	126
5.19	Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	127
5.20	Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Pra Ujian Dan Posujian Kumpulan Kawalan	128
5.21	Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	129
5.22	Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	131

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.23	Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan	132
5.24	Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Pra Ujian Dan Posujian Kumpulan Kawalan	133
5.25	Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Model Kecerdasan Emosi Goleman (1999)	34
2.2	Gabungan Model Kecerdasan Emosi Goleman dan Pendekatan Pemusatan Insan Melihat Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Salah Laku Disiplin	58
4.1	Carta Aliran Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan & Pengumpulan Data Subjek Kajian	80

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BK	Bimbingan Kelompok
EQ	*Emotional Quotient*
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
IQ	*Intellegence Quotient*
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SSDM	Sistem Salah laku Disiplin Murid
SSKE	Soal Selidik Kecerdasan Emosi
SPSS	*Statistical Package For Social Science*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

L.1 Analisis Data Bagi Hipotesis Kajian

L.2 Modul Bimbingan Kelompok

L.3 *Penilaian Kesahan Modul Bimbingan Kelompok Lima Orang Pakar*

L.4 Soal Selidik Kecerdasan Emosi

L.5 *Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan Dari Kementerian Pendidikan Malaysia*

L.6 Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan Dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

l.7 Surat Status Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi pemboleh ubah, batasan kajian, dan hipotesis kajian.

1.2 Latar belakang Kajian

Menurut Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (dalam Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2015) pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikan sesebuah negara memiliki modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara menjelang tahun 2020. Untuk mencapai hasrat atau misi pendidikan, sekolah merupakan agen yang mempunyai tanggungjawab dalam melahirkan modal insan berhemah dan berdisiplin.

Harapan untuk melahirkan modal insan berhemah dan berdisiplin semakin sukar kerana kes salah laku yang dilakukan oleh pelajar semakin meningkat. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), antara salah laku yang dilakukan oleh pelajar adalah tingkah laku jenayah, tindakan lucah, kekemasan diri, tingkah laku tidak mementingkan masa, tingkah laku kurang sopan dan biadap, tingkah laku musnah, tingkah laku tidak jujur atau buli dan ponteng.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Aliza (2008), pelajar sendiri yang menyebabkannya terlibat masalah sosial sebagai perlakuan emosi iaitu perasaan lebih berpengaruh daripada fikiran. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan ini pasti melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Antara yang sering diperkatakan ialah terdapat pelanggaran peraturan di sekolah sewaktu belajar yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempunyai masalah emosi. Pelajar-pelajar ini dipanggil *‚neurotic'* atau *'psychotic'* iaitu pengalaman emosional yang sangat menyakitkan atau mendalam seperti mudah tersinggung atau marah, kesedihan mendalam, kebingungan, berfikiran negatif, suka menyendiri, mudah bersangka buruk dan lain-lain (Despect, 1965 dalam Azizi & Rohaya, 2010).

Menurut Nur Farahzawanah (2008), kegagalan mengurus emosi akan menyebabkan pelajar menghadapi satu keadaan yang dikenali sebagai "*arrested*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

emotional development". Situasi ini menyebabkan pelajar gagal mencapai tahap kematangan moral yang maksimum bagi menahannya melakukan sesuatu yang bertentangan dari segi budaya negara. Kegagalan dalam menyesuaikan dan mengimbangi diri dengan sebarang perubahan yang dialami menyebabkan berlaku ketegangan dan tekanan emosi dalam diri pelajar yang boleh membawa kepada pelbagai masalah dan konflik.

Menurut Mohammad Aziz Shah dan Nazariah (2012), pelajar bermasalah disebabkan gangguan emosi apabila individu itu terlalu memikirkan masalah atau peristiwa yang tidak dapat dilupakan, kurang kasih sayang dan perhatian menyebabkan konflik dalam diri pelajar, pelajar tidak ceria dan mengalami kemurungan. Ini kerana kehendak diri pelajar tidak dapat dipenuhi atau dicapai, dan terlalu memendam perasaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ahmad Rosly (2007), antara faktor yang banyak mempengaruhi gejala salah laku disiplin ini adalah ketidakseimbangan dari segi emosi dan rohani di kalangan kanak-kanak dan remaja. Desakan dan dorongan emosi mempengaruhi hampir keseluruhan aspek pemikiran dan tingkah laku manusia terutama di kalangan kanak- kanak dan remaja. Emosi pelajar yang tidak stabil dan mantap disebabkan oleh kehendak nafsu syahwat dan syaitan dan kelalaian tuannya. Jika pengaruh jiwa ini tidak ditangani, keseluruhan sistem emosi pelajar lebih menjurus kepada perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam (Harun Arrasyid, 2006).

Akibat salah laku disiplin, pelajar bukan sahaja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi terlibat dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vandalisme, gangsterisme, mengambil minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan seperti ini berlaku adalah disebabkan oleh keadaan pelajar yang terdedah kepada pelbagai pengaruh baru, ketidakfungsian ibu bapa, kurang atau tiada ajaran agama dan nilai hidup serta tahap kecerdasan emosi yang rendah (Chan & Rodziah, 2012).

Memandangkan kes salah laku pelajar adalah isu penting untuk ditangani, terdapat banyak kajian lepas berkaitan salah laku dalam kalangan pelajar secara tinjauan telah dijalankan bagi membantu menyelesaikan isu tersebut. Kajian-kajian lepas turut mengemukakan pelbagai kaedah dan strategi yang digunakan untuk membendung masalah salah laku disiplin pelajar (Rohaya & Ruhani, 2011; Aslina, 2013) namun kurang yang berfikir kepada aspek kecerdasan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mohd Azhar (2008), kecerdasan emosi adalah penting untuk menghindari penyakit mental menular dalam kalangan masyarakat pelajar sekolah. Hal ini merupakan antara penyumbang kepada pelbagai masalah sosial dan delinkuen. Oleh itu, dinyatakan bahawa punca berlakunya masalah sosial disebabkan oleh tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam diri individu itu. Tahap kecerdasan emosi yang rendah menjadikan diri individu tidak peka terhadap perasaan diri sendiri, perasaan orang lain, tidak peka terhadap persekitaran dan gagal mengawal emosi menyebabkan mereka cenderung melakukan perkara-perkara di luar batasan kemanusiaan.

Hal ini turut ditekankan oleh kebanyakan penyelidik. Antaranya, tahap kecerdasan emosi yang rendah didapati boleh mengakibatkan masalah tekanan, kemurungan, gejala *neurosis* (Dilip, 2002 dalam Abdul Ghani et al, 2009); pencetus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

salah laku pengambilan alkohol dan merokok (Meyer & Cobb, 2000 dalam Abdul Ghani, 2009). Remaja juga didapati kurang meluahkan perasaan kepada orang lain yang boleh menyebabkan seseorang itu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Abdul Malek, 2013).

Terdapat pelbagai kaedah atau cara untuk membantu pelajar yang bermasalah salah laku disiplin ini. Antaranya adalah bimbingan kelompok sebagai satu proses menolong individu. Proses ini menunjukkan satu usaha yang berterusan dan melibatkan banyak langkah dalam mencapai matlamatnya (Shertzer & Stone, 1971 dalam Azizi, 2008; Aslina, 2013). Namun kajian Anida dan Nur Farahzawanah (2008) pula telah membuktikan aktiviti kelompok bimbingan berkesan meningkatkan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar. Kaunseling kelompok juga didapati berkesan untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi (Lim, 2009; Mohd Amri, 2007; dan Nurnaningsih, 2011).

Selain daripada kecerdasan emosi, aspek agama turut dipandang sebagai aspek yang penting dalam membantu pelajar yang berhadapan dengan masalah disiplin. Menurut Roslee (2008), pelajar salah laku disiplin mempunyai hati yang kotor, keras dan akhirnya tertutup untuk menerima petunjuk dan hidayah dari Allah SWT. Menyedari hakikat ini, golongan pelajar ini perlu diberi bantuan yang sewajarnya agar salah laku disiplin dapat dikurangkan. Oleh itu, bimbingan kelompok untuk pelajar yang terlibat dalam salah laku disiplin disediakan di dalam kajian ini. Bimbingan kelompok menggunakan pendekatan pemusatan insan disediakan untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi umum, kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diri, empati dan kemahiran sosial melalui pembentukan akhlak, membersihkan hati dengan amalan yang baik dan jati diri dalam kalangan pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah salah laku disiplin pelajar di sekolah-sekolah hari ini telah menjadi berita hangat yang dibincangkan. Ia bukan sahaja melibatkan pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) malah turut melibatkan pihak polis dalam mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang terbabit kerana masalah ini bukan sekadar masalah kecil tetapi ada yang melangkaui masalah jenayah. Berdasarkan Utusan Online (2015), Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPM), KPM iaitu Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof melaporkan sebanyak 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang terlibat dalam salah laku disiplin berat atau yang berunsur jenayah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2015 .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1
Bilangan Salah Laku disiplin Pelajar (2010-2012)

Jenis Salah laku	**2010**	**2011**	**2012**
Berunsur jenayah	17595	18457	14321
Berunsur kelucahan	3031	2163	3778
Kurang sopan	18346	17189	15407
Laku musnah	5212	5343	3630
Kekemasan diri	21384	20778	13926
Ponteng sekolah	19545	18754	17343
Kenakalan	8563	8923	9926
Tidak pentingkan masa	17808	18611	10403
Buli			4159

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rokok			14298
JUMLAH	111484	110218	107191

Jadual 1.1 menunjukkan Unit Disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), melaporkan dalam masa tiga dari tahun 2010 hingga tahun 2012, pelajar yang melakukan sepuluh jenis kesalahan yang kurang menepati nilai pegangan masyakarat di Malaysia menjangkau 107,191 orang. Antara salah laku yang sering pelajar lakukan adalah ponteng sekolah, kenakalan, membuli, tingkah laku berunsur jenayah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, laku musnah, berunsur kelucahan, dan merokok.

Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) lagi, salah laku disiplin yang berlaku penurunan datanya adalah tingkah laku kurang sopan iaitu sebanyak 18 346 kes pada tahun 2010 kepada 15407 kes pada tahun 2012. Bagi salah laku ponteng sekolah iaitu 19 545 kes pada tahun 2010 kepada 17343 kes pada tahun 2012. Salah laku dkenakalan mencetuskan kebimbangan masyarakat apabila terdapat penambahan bilangan pelajar yang terlibat. Bilangan pelajar yang terlibat dalam salah laku kenakalan membabitkan 8563 orang pelajar pada tahun 2010 meningkat kepada 9926 orang pada tahun 2012. Terdapat lima salah laku yang berlaku pengurangan dan peningkatan iaitu salah laku berunsur jenayah, salah laku musnah, tidak mementingkan masa, berunsur lucah dan kekemasan diri.

Masalah salah laku disiplin di sekolah di Malaysia amnya dan khasnya di negeri Terengganu melibatkan pelajar sekolah menengah di negeri Terengganu. Dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.2 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2
Bilangan Salah laku Disiplin Pelajar Negeri Terengganu (2013 dan 2014)

Jenis Salah Laku	**2013**	**2014**
Merokok	739	617
Kekemasan Diri	430	591
Ponteng	603	417
Tingkah laku Jenayah	462	410
Kurang Sopan	362	409
Tidak Pentingkan Masa	354	270
Nakal	285	217
Buli	101	147
Dadah	6	13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2 menunjukkan Unit Disiplin, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (2013), telah melaporkan dalam menunjukkan dalam tempoh dua tahun, iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2014, terdapat dua belas jenis salah laku yang kurang menepati nilai pegangan masyakarat di negara ini amnya dan di negeri Terengganu khususnya pelajar. Antara salah laku pelajara adalah tingkah laku berunsur jenayah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, merokok, buli, dadah, vandalisme berunsur lucah, dan kenakalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), kes salah laku pelajar pada tahun 2013 sebanyak 3726 orang dan pada tahun 2014 sebanyak 3379 orang. Salah laku disiplin yang mencetuskan kebimbangan apabila terdapat penambahan bilangan pelajar terlibat dalam salah laku kekemasan diri, salah laku kurang sopan, salah laku buli dan salah laku dadah. Bilangan pelajar yang terlibat dalam salah laku kekemasan membabitkan 430 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 591 orang pelajar pada tahun 2014. Bagi kes salah laku kurang sopan membabitkan 362 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 409 orang pelajar pada tahun 2014. Bagi salah laku buli adalah 101 orang pelajar pada tahun 2013 meningkatkan kepada 147 orang pelajar pada tahun 2014. Manakala salah laku dadah membabitkan 6 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 13 orang pelajar pada tahun 2014.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah salah laku disiplin di sekolah sekarang semakin menjadi-jadi yang melibatkan pelajar sekolah menengah di terutamanya di Terengganu iaitu di dalam sekolah dan juga di luar kawasan sekolah. Menurut pernyataan lisan oleh Encik Mohd Yusof, Pegawai Unit Disiplin Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, masalah disiplin dalam kalangan pelajar jauh lebih rendah berbanding negari lain, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu tetap menganggap salah laku disiplin isu yang membimbangkan dan perlu ditangani secara serius. Menurut Maizatul Akmam (2007), masalah salah laku merupakan masalah utama yang dihadapi oleh sekolah di dan perlu ditangani oleh ibu bapa, masyarakat dan pihak kerajaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3

Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar mengikut Daerah di Terengganu (2013 dan 2014)

Daerah	**2013**	**Peratus**	**2014**	**Peratus**
Kuala Terengganu	908	24.4	936	27.7
Besut	708	19.0	594	17.6
Dungun	799	21.4	462	13.7
Kemaman	621	16.7	613	18.1
Hulu Terengganu	349	9.4	298	8.8
Setiu	152	4.1	255	7.5
Marang	189	5.0	221	6.6
Jumlah	3726	100	3379	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa masalah salah laku disiplin pelajar sekolah makin membimbangkan berdasarkan daerah di negeri Terengganu dari tahun 2013 hingga tahun 2014. Berdasarkann Jadual 1.3. tujuh daerah di negeri Terengganu yang terlibat iaitu daerah Kuala Terengganu, daerah Besut, daerah Dungun, daerah Kemaman, daerah Hulu Terenggnau, daerah Setiu, dan daerah Marang. Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu terdapat pengurangan kes salah laku pada tahun 2014 3379 orang pelajar dan pada tahun 2013 sebanyak 3726 orang pelajar direkodkan. Empat daerah yang dikategorikan dalam pengurangan kes salah laku disiplin pelajar ialah daerah Besut, daerah Dungun, daerah Kemaman dan daerah Hulu Terengganu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tiga daerah yang mencetuskan kebimbangan adalah daerah Kuala Terengganu, daerah Marang dan daerah Setiu. Hal ini kerana terdapat penambahan bilangan pelajar terlibat dalam salah laku negeri Terengganu. Bilangan pelajar yang terlibat dalam daerah Kuala Terengganu membabitkan 908 (24.4%) orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 936 (27.7%) orang pelajar pada tahun 2014. Bagi daerah Setiu membabitkan 152 (4.1%) orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 255 (7.5%) orang pelajar pada tahun 2014. Manakala daerah Marang adalah 189 (5.1%) orang pelajar pada tahun 2013 meningkatkan kepada 221 (6.5%) orang pelajar pada tahun 2014.

Rumusannya, daerah Kuala Terengganu tidak terkecuali dengan fenomena salah laku disiplin pelajar yang semakin membimbangkan dari tahun 2013 hingga tahun 2014. Menurut pegawai unit disiplin, pejabat pendidikan daerah Kuala Terengganu, Encik Mohd Iruan, terdapat sebuah sekolah yang mempunyai rekod salah laku disiplin yang ramai.

Memandangkan kes salah laku disiplin merupakan masalah penting untuk ditangani, terdapat kajian-kajian lepas berkaitan salah laku pelajar secara tinjauan dan eksperimental. Antaranya, salah laku pelajar dan personaliti (Latifah, 2007; Darwis, 2007), salah laku pelajar dan corak interaksi keluarga (Rohaya & Ruhani, 2011), profil murid salah laku disiplin kepada guru bimbingan dan kaunseling (Aslina, Mohammad Nasir, Mohammad Aziz Shah, Ab.Aziz, Mohd Muzafar, & Faezah, 2014), pola tingkah laku dan personaliti remaja terlibat salah laku (Roslee, Norliyana, Mohamed Sharil, Sulaiman, Salleh, Ahmad Jazimin & Mohamad Aziz Shah, 2014), kesan intervensi psikopendidikan terhadap tingkah laku murid sekolah menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh guru bimbingan dan kaunseling (Aslina, 2013). Walaupun banyak kajian tinjauan dan eksperimental yang dikaitkan dengan salah laku pelajar disiplin telah dijalankan tetapi sehingga kini kurang kajian berbentuk ilmiah pihak-pihak tertentu melihat kesan bimbingan kelompok dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Banyak kajian mencari faktor-faktor mempengaruhi remaja terlibat dalam gejala sosial (Johari & Nik Selma, 2010; Othman & Norazmah, 2011; Norazwa, 2013). Terdapat pelbagai spekulasi dan juga rumusan yang dikaitkan dengan isu ini tetapi antara faktor yang difikirkan begitu mempengaruhi gejala ini adalah berpunca daripada ketidakseimbangan perkembangan emosi dan rohani dalam kalangan pelajar itu sendiri. Ini menunjukkan masalah salah laku disiplin merupakan masalah yang tiada penghujungnya, kian hari kian membimbangkan semua pihak. Emosi bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku sekarang tetapi juga menjejaskan tingkah laku kita pada masa hadapan (Abdullah, 2005).

Ramai pengkaji berpendapat bahawa tingkah laku dalaman dan tingkah laku luaran kanak-kanak dan remaja mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan tahap kecerdasan emosi. Bagi menyokong kenyataan tersebut, Ciarrochi (dalam Norazwa, 2013) menyatakan tahap kecerdasan emosi yang rendah didapati menjadi punca kepada rendah tahap empati dan kawalan emosi pelajar tersebut. Akibatnya golongan remaja bertingkah laku menurut desakan emosi semata-mata tanpa diimbangi oleh pemikiran yang rasional.

Kecerdasan emosi amat penting dalam pembangunan diri seseorang individu dalam menangani krisis kehidupan. Bagi seseorang pelajar, kecerdasan emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlandaskan lima perkara penting iaitu dapat memahami emosi diri sendiri, dapat menguruskan emosi, dapat memotivasikan diri, dapat berempati iaitu membaca emosi dan dapat menguruskan perhubungann yang baik. Banyak kajian tinjauan memfokuskan hubungan kecerdasan emosi dan kehidupan pelajar iaitu hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik (Abd Aziz, Omar Hisham, & Eftah, 2014; Akma, Abdul Malek, & Abd Aziz, 2014; Chan dan Rodziah, 2012; Dina, 2008; Mohd Naharuddin, 2012), dan tahap EQ dengan personaliti pelajar (Ahliza, 2008; Sarimah, 2008; Muhd Azlan, 2007).

Walaupun banyak kajian tinjauan kecerdasan emosi pelajar dan bukan pelajar yang dikaitkan dengan personaliti, jantina, pencapaian akademik dan motivasi, tekanan kerja dan kepuasan kerja secara kajian tinjauan telah dijalankan tetapi sehingga kini kurang kajian berbentuk ilmiah secara eksperimental untuk melihat kesan bimbingan kelompok meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Menurut Mohammad Aziz Shah (2011), banyak masalah timbul disebabkan manusia tidak berpuas hati dan bersyukur apa yang ada. Ini bermakna, pembentukan modal insan yang baik perlu merangkumi dan menitik beratkan aspek jiwa, mental dan fizikal. Pengisian jiwa merupakan suatu proses yang bertujuan untuk melahirkan jiwa yang sentiasa bersyukur iaitu syukur kepada penciptaNya, kepada kedua ibu bapanya dan bersyukur dengan kehidupannya di dunia ini dan memelihara kebersihan hati dalam menjauhkan diri dari gejala sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak kajian memfokus kepada intervensi bimbingan kelompok yang menunjukkan bahawa bimbingan kelompok sebagai salah satu aspek yang penting dalam perubahan diri seseorang dari segi kognitif, emosi dan tingkah laku. Aspek kognitif telah dibuktikan keberkesanan intervensi bimbingan kelompok telah meningkatkan konsep kendiri para peserta kajian (Munawara, 2008; Faridah, 2011; dan Mohammad Aziz Shah & Fatimah Yusoff, 2010). Aspek tingkah laku telah dibuktikan keberkesanan intervensi bimbingan kelompok dapat merawat tingkah laku peserta kajian (Suradi Salim, 2005), berjaya membentuk sahsiah diri pelajar (Tan, Rusnani, Sidek & Maznah 2013), merawat tingkah laku ponteng kelas pelajar bermasalah disiplin (Saralah, 2013). Aspek kecerdasan emosi telah dibuktikan kepentingannya dalam perkembangan diri pelajar (Lim, 2009; Amri, 2007; dan Anida, 2008) tetapi sehingga kini masih kurang kajian berbentuk ilmiah menjurus kepada bimbingan kelompok kepada pelajar salah laku disiplin untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi dijalankan.

Menyedari hakikat ini, bimbingan kelompok berfokuskan modul diperlukan untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah salah laku disiplin. Aktiviti dalam bimbingan kelompok membantu pelajar yang bermasalah salah laku disiplin bagi mengatasi permasalahan kehidupan. Program bimbingan boleh menolong dan membimbing pelajar yang tidak berdisiplin mengikuti laluan berguna bagi mereka (Suradi, 1996).

Menurut Muhd Mansur dan Siti Nordinar (2010), pelajar didedahkan dengan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosinya yang berfokus kepada kesedaran terhadap diri, keupayaan menguruskan emosi diri, memotivasikan diri,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berempati dan kemahiran sosial berdasarkan modul yang dibina oleh kaunselor iaitu modul bimbingan kelompok berdasarkan pendekatan pemusatan insan dijadikan sebagai asas untuk menangani masalah salah laku disiplin pelajar.

Bimbingan kelompok berdasarkan pendekatan humanistik adalah untuk menghasilkan kumpulan pelajar yang mempunyai sikap dan akhlak yang baik dan dapat membuat perubahan dalam diri mereka dan seterusnya menjadi contoh kepada pelajar lain. Maka, dalam kajian ini penyelidik mengambil inisiatif menjalankan proses bimbingan kelompok menggunakan modul untuk membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin supaya lebih menghargai diri sendiri, menghargai orang lain, memotivasikan diri sendiri, berempati dengan orang sekeliling, dan berhubung baik dengan orang lain dan mampu menyentuh fitrah dan jiwa nurani mereka supaya mampu berubah bermula dari dalam diri mereka sendiri.

Kumpulan rawatan mengikuti intervensi bimbingan kelompok pendekatan pemusatan insan sebagai panduan dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin berdasarkan model kecerdasan emosi Goleman (1999) mengutarakan lima aspek utama kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri(*self-awareness*), pengawalan kendiri (*self-regulation*), motivasi diri (*self-motivation*), empati (*emphty*) dan kemahiran sosial (*social-skills*).

Menurut Alma, Zuria dan Mokhtar (2006 dalam Faridah Din, 2011), pendekatan pemusatan-insan sangat sesuai digunakan dalam bimbingan kelompok. Ini kerana tekniknya tidak menimbulkan masalah psikologi kepada klien, walaupun digunakan oleh orang yang belum mahir. Pendekatan pemusatan insan adalah antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan yang selamat digunakan oleh kaunselor sekolah. Corey (1997), pula melihat bahawa penggunaan pendekatan pemusatan insan mempunyai nilai yang istimewa dalam aplikasi untuk intervensi krisis penerimaan positif, ikhlas, perhatian dan prihatin, pendengaran yang aktif serta respon yang membantu dari guru, kaunselor atau rakan membolehkan pelajar menceritakan masalah mereka dan mencari jalan penyelesaiannya.

Konsep kesempurnaan yang dihuraikan oleh Rogers boleh dikaitkan mengenai manusia yang mempunyai kecenderungan untuk mencapai kesempurnaan kendiri dan kestabilan emosi. Konsep kesempurnaan ini membantu untuk menguatkan jati diri pelajar, membersihkan hati pelajar dengan amalan baik dan kerohanian, tingkatkan nilai hidup positif dengan memotivasikan diri dalam mengawal emosi untuk mengatasi pengaruh negatif. Di samping itu, konsep kesempurnaan juga adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang tanggungjawab dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berwibawa. Pelajar diterapkan nilai kasih sayang tanpa syarat, rasa berterima kasih kepada Allah atas setiap nikmat dan keadaan, nilai kasih sayang ibu bapa yang telah berkorban untuk anak-anak mereka, memelihara kebersihan hati iaitu mempunyai hati yang bersih dan mulia dalam menjauhkan diri dari gejala sosial (Mohammad Aziz Shah et al, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian terbahagi kepada dua iaitu tujuan umum dan tujuan khusus.

Tujuan Umum

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan bimbingan kelompok terhadap pemboleh ubah kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Tujuan Khusus

Berdasarkan tujuan umum, maka tujuan khusus kajian ini adalah untuk melihat:

i) Kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi umum pelajar salah laku disiplin.

ii) Kesan bimbingan kelompok terhadap sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri pelajar salah laku disiplin.

iii) Kesan bimbingan kelompok terhadap sub konstruk kecerdasan emosi iaitu pengawalan kendiri pelajar salah laku disiplin.

iv) Kesan bimbingan kelompok terhadap sub konstruk kecerdasan emosi iaitu motivasi diri pelajar salah laku disiplin.

v) Kesan bimbingan kelompok terhadap sub konstruk kecerdasan emosi iaitu empati pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi) Kesan bimbingan kelompok terhadap sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kemahiran sosial pelajar salah laku disiplin.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan, maka objektif kajian ini adalah untuk mengukur kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi dan sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin berdasarkan perbezaan skor :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kecerdasan emosi umum

1. Min praujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
2. Min praujian dengan min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
3. Min praujian dengan min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
4. Min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran kendiri

5. Min praujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
6. Min praujian dengan min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
7. Min praujian dengan min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
8. Min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengawalan kendiri

9. Min praujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
10. Min praujian dengan min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
11. Min praujian dengan min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
12. Min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motivasi diri

13. Min praujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
14. Min praujian dengan min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
15. Min praujian dengan min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
16. Min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empati

17. Min praujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
18. Min praujian dengan min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
19. Min praujian dengan min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
20. Min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran sosial

21. Min praujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
22. Min praujian dengan min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan.
23. Min praujian dengan min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan.
24. Min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan Objektif kajian untuk mengukur adakah bimbingan kelompok berkesan membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi dan sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin berdasarkan persoalan-persoalan berikut :

Kecerdasan emosi umum

1. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
3. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
4. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

Kesedaran kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?
6. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
7. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
8. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap kesedaran kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengawalan kendiri

9. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?
10. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
11. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
12. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan ?

Motivasi diri

13. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

14. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
15. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
16. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap motivasi diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

Empati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

17. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?
18. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
19. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
20. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran sosial

21. Adakah terdapat perbezaan min praujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?
22. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan?
23. Adakah terdapat perbezaan min praujian dengan min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan kawalan?
24. Adakah terdapat perbezaan min posujian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini untuk melihat kesan bimbingan kelompok terhadap tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Hasil kajian ini membolehkan setiap organisasi memikirkan inisiatif yang dirasakan perlu diambil dengan memberi penekanan terhadap penerapan unsur-unsur kecerdasan emosi pada setiap peringkat umur. Terdapat organisasi yang mempunyai kepentingan dalam penerapan unsur-unsur tersebut kepada pelajar iaitu pelajar sendiri, ibu bapa, kaunselor sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Badan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Kerajaan dan sumbangan teoritikal sendiri.

Pelajar

Setelah kajian ini diselesaikan kelak, pelajar mengetahui dan mengalami peningkatan kecerdasan emosi yang mereka miliki. Kesedaran tentang tahap kecerdasan emosi boleh meningkatkan lagi motivasi diri pelajar salah laku disiplin untuk mematuhi peraturan sekolah seterusnya berkelakuan baik ke sekolah bagi mencapai cita-cita yang diinginkan. Ini sekaligus merangsang pelajar mempertingkatkan pencapaian dari segi akademik dan sahsiah diri. Oleh itu, kajian ini setidak-tidaknya memberikan kesedaran kepada para pelajar untuk membina semula dan meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka dan seterusnya merancang strategi dalam mendapatkan kehidupan yang lebih bermakna.

Ibu bapa

Dengan adanya pemahaman tentang kecerdasan emosi ini, ibu bapa berpeluang untuk mendidik dan mengasuh anak mereka supaya berpersonaliti menarik termasuk dari segi kecerdasan emosi yang cemerlang. Perkembangan anak-anak pada ketika ini sangat kompleks terutamanya anak-anak remaja. Pembentukan diri anak-anak serta asuhan yang salah mendatangkan kesan yang buruk terutamanya ke atas perkembangan sosial mereka. Dapatan kajian ini dijadikan sumber rujukan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat kepada ibu bapa pentingnya didikan yang sempurna diberi kepada anak-anak bagi menjamin kejayaan mereka dalam bidang akademik.

Kaunselor sekolah

Dapatan kajian dapat digunakan sebagai rujukan kepada kaunselor sekolah untuk merancang beberapa aktiviti bimbingan kelompok. Kajian ini memberi satu pendekatan perkhidmatan yang berkesan serta aktiviti yang bersesuaian untuk golongan pelajar yang kerap melakukan salah laku disiplin di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) adalah jabatan yang bertindak sebagai badan yang mengawal selia dan merancang program-program yang dijalankan di sekolah-sekolah yang berada di bawah daerah tersebut. Kesedaran kepentingan kecerdasan emosi membolehkan pihak PPD memasukkan unsur-unsur kecerdasan emosi tersebut dalam program yang dirancang seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang serta seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan sosial.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Jabatan Pendidikan Negeri memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan penggunaan kecerdasan emosi di sekolah-sekolah. Pelbagai kursus yang mengandungi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengisian kecerdasan emosi boleh dirangka khusus untuk melatih para guru di sekolah. Hasil daripada kursus yang diikuti, guru-guru boleh mengaplikasikan ilmu yang diterima kepada pelajar bagi menimbulkan kesedaran kepada golongan pelajar yang bermasalah untuk berubah kepada yang lebih positif.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Dapatan kajian ini juga membekalkan maklumat yang relevan kepada pihak KPM dalam membuat pertimbangan untuk memasukkan bimbingan kelompok sebagai satu subjek dalam kurikulum sekolah serta boleh menggunakan bimbingan kelompok dalam program intervensi dan proses pengajaran dan pembelajaran ke arah meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar. Pihak KPM menilai pengisian program bimbingan kelompok pelajar bagi menyediakan garis panduan pengurusan kepada kaunselor sekaligus memenuhi matlamat FPN mewujudkan pelajar yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Kerajaan

Dapatan kajian memberi sumbangan kepada badan-badan tertentu sama ada badan kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam perkembangan diri pelajar dari aspek kecerdasan emosi pelajar. Dapatan kajian ini memberi banyak maklumat dan membuka minda banyak pihak terutamanya ibu bapa dan masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang masalah kecerdasan emosi yang rendah dan pendekatan yang perlu diambil bagi menanganinya.

Sumbangan teoritikal

Kajian ini dapat menambahkan koleksi keilmuan penyelidik yang berkaitan dengan aspek bimbingan berasaskan pendekatan pemusatan insan. Pendekatan pemusatan insan sangat sesuai digunakan kerana tekniknya tidak menimbulkan masalah psikologi kepada klien, walaupun digunakan oleh orang yang belum mahir. Pendekatan pemusatan insan adalah antara pendekatan yang selamat digunakan oleh kaunselor sekolah. Corey (1997), pula melihat bahawa penggunaan pendekatan pemusatan insan mempunyai nilai yang istimewa dalam aplikasi untuk intervensi krisis penerimaan positif, ikhlas, perhatian dan prihatin, pendengaran yang aktif serta respon yang membantu dari guru, kaunselor atau rakan membolehkan pelajar menceritakan masalah mereka dan mencari jalan penyelesaiannya.

Konsep kesempurnaan yang dihuraikan oleh Rogers boleh dikaitkan mengenai manusia yang mempunyai kecenderungan untuk mencapai kesempurnaan kendiri dan kestabilan emosi. Konsep kesempurnaan ini membantu untuk menguatkan jati diri pelajar, membersihkan hati pelajar dengan amalan baik dan kerohanian, tingkatkan nilai hidup positif dengan memotivasikan diri dalam mengawal emosi untuk mengatasi pengaruh negatif. Di samping itu, konsep kesempurnaan juga adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang tanggungjawab dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berwibawa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian lanjutan dalam bidang ini dan menjadikan kajian ini sebagai landasan atau rujukan utama untuk menjalankan kajian-kajian lanjutan bagi mengatasi masalah salah laku disiplin pelajar yang disebabkan tahap kecerdasan emosi yang rendah melalui bimbingan kelompok.

1.8 Definisi Pemboleh Ubah

Kajian ini mengunakan tiga istilah utama iaitu bimbingan kelompok, kecerdasan emosi dan pelajar salah laku disiplin. Pemahaman konsep-konsep ini dapat membantu mengenal pasti, membezakan dan mengklasifikasikan konsep-konsep yang terlibat. Terdapat pemboleh ubah yang perlu dihuraikan pengertiannya supaya lebih difahami pengertiannya dari segi istilah mahupun dalam konteks kajian.

1.8.1 Bimbingan Kelompok

Kamus Komprehensif Bahasa Melayu, bimbingan ialah perbuatan memberi tunjuk ajar, memberi petunjuk dan pimpinan (Arbak Othman, 2005), manakala Kamus Zaba (2005) pula menakrifkan bimbingan sebagai perbuatan membimbing, memberi petunjuk dan huraian. Bimbingan dilihat sebagai satu proses membantu individu membuat keputusan yang penting dalam hidupnya yang akan mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan (Gladding, 2000; Suradi, 1996; Schetzer & Stone, 1981; Amla & rakan-rakan, 2006).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan kelompok sebagai himpunan beberapa orang yang mempunyai hubungan interaksi sesama mereka dalam melahirkan satu pendapat dan sebulat suara dipersetujui bersama (Carls Rogers, 1961 dalam Sapora, 2003; Muhd Mansur, 1996 dalam Sapora, 2003).

Shertzer dan Stone (1981 dalam Zuraidah Abdul Rahman, 1999), bimbingan kelompok sebagai suatu proses yang profesional dan bersistematik bertujuan menolong individu melalui cara-cara pendidikan bagi memahami ciri-ciri potensinya dengan lebih jelas. Bagi Gibson dan Mitchell (1981 dalam Zuraidah Abdul Rahman, 1999), kelompok bimbingan atau kelompok *psychoeducational* pula diertikan sebagai aktiviti kumpulan yang memfokuskan kepada menyedia dan menyebar maklumat melalui aktiviti kumpulan.

Myrick (1993 dalam Malek, 2007), mentakrifkan bimbingan kelompok kecil mengandungi ahli kelompok antara lapan hingga dua belas orang pelajar. Semasa pengendalian kelompok kecil, fasilitator memastikan sesi kelompok dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai matlamat. Dalam konteks kajian ini, bimbingan kelompok rawatan terdiri seramai 30 orang ahli kelompok dalam dua kumpulan. Kesimpulannya, menurut Zuraidah (1988), bimbingan kelompok sebagai aktiviti kumpulan yang memfokuskan kepada menyedia dan menyebarkan maklumat melalui aktiviti kumpulan yang terancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bimbingan kelompok dalam konteks kajian ini adalah satu perkhidmatan memberi pertolongan berkesan kepada 30 orang pelajar tingkatan empat yang mempunyai rekod salah laku disiplin di sekolah untuk tahun 2015. Ahli kelompok menjalani sesi bimbingan sebanyak lapan sesi bimbingan kelompok berdasarkan pendekatan pemusatan-insan di mana setiap sesi akan mengambil masa antara 30 hingga 60 minit.

1.8.2 Kecerdasan Emosi

Menurut Kamus Dewan (2005), kecerdasan adalah kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain lain seperti kepandaian, kepintaran dan kecerdikan. Menurut David (1975 dalam Azizi, 2008), kecerdasan adalah kebolehan seseorang individu memahami alam persekitarannya, dirinya dan kepakaran yang ada padanya yang boleh menolong dia menghadapi cabaran hidup. Kebolehan ini adalah bersifat sejagat ataupun universal.

Menurut Mohamad Nazar (1990) ,perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu "*emover"* yang membawa maksud untuk keluar. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi.

Menurut Salovey dan Mayer (1999 dalam Sharifah Akmam, 2005), kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal dikategorikan kepada lima domain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama iaitu mengenal diri, mengurus emosi kendiri, memotivasikan diri, empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan (Goleman, 1995). Empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan adalah dikategorikan dalam kecerdasan interpersonal sementara tiga lagi iaitu mengenal diri, mengurus emosi dan memotivasikan.

Menurut Goleman (1995 dalam Sharifah Akmam, 2005), kecerdasan emosi ialah kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain dari aspek emosi, perasaan dan tingkah laku. Terdapat lima dimensi dalam konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, motivasi diri, kawalan diri iaitu pengurusan emosi, empati iaitu keupayaan memahami perasaan orang lain, dan kemahiran sosial iaitu kebolehan menguruskan perhubungan dengan orang lain.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pelajar di sekolah, kecerdasan emosi merujuk kepada satu bentuk pengurusan emosi yang bijak oleh pelajar itu dari segi mengawal emosi dan berkebolehan untuk bersosial. Pelajar yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang mantap dan bijak serta berkemampuan untuk berfikir dan bertindak secara rasional akan memperoleh kejayaan dan hidup bermasyarakat.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Model Kecerdasan Emosi Goleman (1995 dalam Mohd Naharudin, 2012) membahagikan kecerdasan emosi kepada lima komponen iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial, sebagaimana dalam Rajah 1.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Model Kecerdasan Emosi Goleman (1999)

1. Kesedaran kendiri adalah kebolehan individu untuk mengenal pasti emosi atau perasaan sendiri bertujuan agar seseorang itu dapat merasai apakah keadaan emosinya pada waktu itu dan berupaya membuat keputusan yang rasional, mempunyai penilaian yang realistik serta mempunyai keyakinan yang kukuh. Keupayaan otak manusia mentafsirkan setiap pemikiran dan perbuatan membolehkan seseorang mengenalpasti keadaan emosi. Individu secara automatik mengetahui emosi sendiri apabila sedang marah, gembira, takut, letih dan sebagainya.

2. Pengawalan kendiri adalah kebolehan mengatur emosi serta keupayaan menangani psikologi diri sendiri seperi perasaan marah, takut, sedih dan bimbang atau kerisauan yang melampau mengikut cara yang bersesuaian dan seimbang. Pengurusan emosi tidak datang dengan sendiri, tetapi memerlukan usaha dan kesungguhan serta pembelajaran berterusan. Individu yang cerdas emosinya dapat mengendalikan emosi dan dengan itu dapat menggerakkan lagi kehidupannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam mencapai matlamat hidup, lebih berhemah dan dapat mengawal sesuatu keinginan yang amat mendesak.

3. Motivasi diri adalah kebolehan untuk bertindak, mengambil inisiatif dan berusaha ke arah pencapaian matlamat hidup. Kebolehan ini membantu individu meningkatkan dirinya ke arah yang lebih maju malah berupaya untuk bangkit semula setelah mengalami kegagalan. Kepintaran emosi dapat ditingkatkan dengan mendorong diri sendiri supaya membina emosi yang stabil dan seimbang. Individu harus memiliki kemahuan dan keinginan untuk berubah.

4. Empati adalah kebolehan mengenalpasti dan sensitif terhadap perasaan orang lain. Setiap manusia memiliki emosi yang berbeza-beza mengikut faktor umur, status, situasi, jantina dan tahap kesihatan diri. Justeru itu, individu perlu memahami faktor-faktor yang menyebabkan emosi individu lain berada dalam keadaan stabil atau sebaliknya. Emosi seseorang boleh dikeahui apabila kita berinteraksi atau berkomunikasi anatara satu sama lain. Keupayaan atau kemahiran sedemikian boleh membantu individu mewujudkan suasana hubungan yang baik dengan semua orang.
5. Kemahiran sosial adalah kebolehan menjalinkan hubungan dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain. Setiap manusia memiliki kepelbagaian emosi yang dibentuk oleh diri sendiri dan persekitaran. Bagi memperoeh kesan positif dalam menjalinkan perhubungan dengan orang lain, seseorangg itu mestilah bijak mengendalikan emosinya dan pada masa yang sama memahami emosi orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pelajar di sekolah, kecerdasan emosi merujuk kepada satu bentuk pengurusan emosi yang bijak oleh pelajar itu. Hal ini termasuklah dari segi mengawal emosi dan berkebolehan untuk bersosial. Pelajar yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang mantap dan bijak serta berkemampuan untuk berfikir dan bertindak secara rasional akan memperoleh kejayaan dan hidup bermasyarakat.

Kajian ini, model kecerdasan emosi Goleman (1995 dalam Mohd Naharuddin, 2012) digunakan bagi menilai tahap kecerdasan emosi. Model ini mengemukakan lima konstruk iaitu kesedaran kesedaran kendiri, motivasi diri, kawalan diri iaitu pengurusan emosi, empati iaitu keupayaan memahami perasaan orang lain, dan kemahiran sosial iaitu kebolehan menguruskan perhubungan dengan orang lain. Terdapat dua aspek utama yang merangkumi kompetensi kecerdasan emosi iaitu Keupayaan pelajar mengendalikan hubungan dengan orang lain iaitu interpersonal dan mengendalikan emosi yang berkaitan dengan perhubungan dengan diri sendiri iaitu intrapersonal agar dapat membawa pencapaian matlamat bersama serta keberkesanan sekolah dalam membentuk modal insan yang cemerlang. Dalam kajian ini, Kecerdasan emosi diukur melalui Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE) dan bimbingan kelompok. Melalui bimbingan kelompok iaitu lapan aktiviti iaitu kenali daku (pengurusan kendiri), pendedahan kendiri, kesedaran kendiri, memotivasikan diri, perhubungan sosial (Ini kawan saya), empati (garis kehidupan), mengendalikan emosi, dan seikhlas hati seluhur budi untuk mengukur kecerdasan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Pelajar Salah Laku Disiplin

Menurut Kamus Bahasa Melayu terbitan Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd (1995), mendefinisakan disiplin sebagai"……kepatuhan,kesetiaan dan ketaatan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan…" Manakala mengikut Kamus Dewan Edisi Baru Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur (1989), mendefinisikan disiplin sebagai"……latihan terutamanya pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri mengikut peraturan yang ditetapkan dan sekiranya ini berlaku sebaliknya hukuman atau denda akan dikenakan…"

Olivia (1956 dalam Abdullah, 2005) berpendapat, disiplin ialah kawalan diri, kawalan dari luar patuh kepada autoriti, dan cara menetapkan peraturan atau hukuman. Turner (1993 dalam Abdullah, 2005) menyatakan, disiplin sebagai perpatuhan arahan-arahan dan aturan yang dapat menjamin perjalanan sistem supaya sistem itu berjalan dengan lancar dan lebih teratur. Didapati takrifan yang diberi oleh tokoh-tokoh di atas mempunyai persamaan dengan definisi dalam Kamus Dewan iaitu disiplin didefinisikan sebagai peraturan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tatatertib.

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979 dalam Abdullah Sani, 2006) mentakrifkan disiplin sebagai:

> " kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesanggupan hormat-menghormati di antara satu sama lain dan mempunyai semangat tolong menolong dan kesanggupan memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat."

Ini menjelaskan disiplin bermakna kesanggupan seseorang untuk melakukan sesuatu dengan tertib, menghormati hak orang lain, mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain.

Rumusannya, disiplin merupakan peraturan atau undang-undang yang bertujuan untuk membentuk para pelajar selari dengan kehendak agama, norma-norma masyarakat dan undang-undang sesebuah negara. Disiplin sebagai peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak KPM yang diselaraskan dan dilaksanakan di semua sekolah bagi mengawal segala tingkahlaku pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, individu yang berdisplin atau tidak melakukan salah laku adalah mereka yang bertingkah laku dan bertindak sesuai dengan nilai-nilai etika, norma dan kepercayaan masyarakat dan diterima masyarakat. Jika dilanggar, maka seseorang itu dianggap tidak berdisplin. Pelajar-pelajar yang berdisplin ialah mereka yang secara relatifnya bertingkahlaku dan bertindak mengikut norma-norma sekolah.

Dalam kajian ini, salah laku disiplin merujuk kepada tingkah laku yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan berkelakuan tidak baik atau menyimpang. Kategori pelanggaran disiplin pelajar adalah tingkahlaku jenayah, dadah, buli, rokok, ponteng sekolah, berkelakuan lucah, kurang sopan, merosakkan harta benda sekolah(vendalisme), tidak amanah, nakal, tidak pentingkan masa dan kekemasan diri. Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan web bertujuan untuk merekod maklumat salah laku disiplin murid di seluruh Malaysia dengan capaian yang mudah dan berkesan. SSDM dapat membantu dalam penyediaan maklumat yang efektif dan terkini di mana ianya secara langsung akan dapat membantu pengurusan di semua peringkat membuat perancangan bagi mengatasi dan mengawal masalah disiplin murid dengan lebih teratur, baik dan berkesan.

Jadual 1.4
Kategori dan Jenis Salah Laku dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid

Kod	Jenis Salah Laku
Tingkah laku Jenayah	berjudi,mencuri,mengancam/memukul/mencedarakanguru,mengancam/memukul/mencederaka murid,peras ugut,gengsterisme, penglibatan dalam politik.
Penyalahgunaan dadah/ Inhalan/Racun	memiliki/menyimpan,membekal/menawarkan,menjual/mengedar/menghisap/menyuntik/menyedut/meminum/menghidu /menghidu bahan-bahan inhalan.
Buli	buli bahasa,buli fizikal,buli isyarat & buli perhubungan
Rokok	memiliki dan menyimpan,membekal dan menawarkan, menjual dan mengedar dan menghisap
Ponteng	ponteng sekolah,ponteng kelas,ponteng aktiviti kokurikulum,ponteng ujian/peperiksaan,ponteng prep,pnteng asrama,ponteng acara rasmi sekolah dan ponteng perhimpunan.
Tingkah laku Lucah	bercumbuan,berkhalwat,bawa bahan lucah,mengedar bahan lucah,mengintai,menggunakan kata/perbuatan lucah,melukis & menulis kata – kata dan gambar lucah,menonton VCD/ filem lucah,memeluk murid lain jantina dan berdua-duaan yang menimbulkan syak.

(Bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.4 (*Sambungan)*

Kod	Jenis Salah Laku
Tingkah laku Kurang Sopan/ Biadap	biadap kepada guru, biadap kepada kakitangan, biadap kepada tetamu,berkelakuan kasar kepada murid,berbahasa kesat/kasar kepada murid,meminum/membeli/menyimpan/mengedar minuman yang memabukkan,membuang sampah merata-rata,ingkar arahan guru,ingkar arahan pengawas dan meludah di tempat yang tidak sepatutnya.
Kesalahan Vandalisme	merosakkan harta benda sekolah, merosakkan harta benda asrama, merosakkan harta benda kantin, merosakkan peralatan bilik-bilik khas, merosakkan tanaman tumbuhan/tanaman hiasan,menconteng dinding bangunan sekolah, menconteng dinding bangunan asrama,merosak/mengoyak buku SPBT,merosakkan peralatan sukan,merosakkan kenderaan guru besar/pengetua/guru/kakitangan, merosakkan harta/kenderaan murid.
Tingkah laku Tidak Amanah	pecah amanah,berbohong,tidak bertanggungjawab,tidak jujur
Kenakalan	menunggang motosikal dalam kawasan sekolah,masuk tandas berlainan jantina,sengaja menyembunyikan loceng kecemasan,menganggu semasa pengajaran dan pembelajaran,tidak ikut giliran/berebut-rebut/bertolak-tolak,membawa/bermain mercun,mengubahsuai pendawaian elektrik,keluar kawasan sekolah/asrama tanpa kebenaran,bermain dalam dorm dan melanggar peraturan asrama.
Tingkah Laku Tidak Pentingkan Masa	lewat ke sekolah,lewat ke perhimpunan,lewat masuk kelas,lewat datang aktiviti luar kelas/kokurikulum,lewat masuk/balik ke asrama.
Kekemasan Diri	berkuku panjang,mewarna kuku/berinai, berambut panjang, rambut berfesyen, bermisai/berjanggut,memakai pakaian tidak mengikut peraturan, pakai barang kemas, bertatoo, mencukur bulu kening dan memakai alat solek.
Penglibatan Politik	penglibatan dalam perhimpunan/perarakan politik,merayu undi dalam pilihanraya dan menyebar penulisan/dokumen/propaganda politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tiada Dalam Senarai	membawa telefon bimbit, menghina sekolah melalui facebook,bergaduh,mencabul/meraba,subahat,vandalism/mencuri,berpasangan/berkhalwat,meludah di tempat tidak sepatutnya,merayau,pergi ke kafe siber,menceroboh masuk kawasan larangan di sekolah,bersidai di koridor,berada bersama penghisap rokok,bermain bedak dan air,mambawa pemetik api,menganggu budak perempuan,meniru dalam peperiksaan,menunjuk perasaan/berpiket,mengancam dan mencederakan murid lain,mengganggu ketenteraman sekolah,dan menjual air ketum di sekolah.

Jadual 1.4, Unit Disiplin, KPM (2014), mengkategorikan dan menyenaraikan jenis-jenis salah laku yang dilakukan oleh pelajar sekolah di negara ini dalam Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM). Dalam kajian ini, disiplin merujuk kepada peraturan-peraturan sekolah yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Segala tingkah laku yang bertentangan dengan prinsip-prinsip disiplin yang ditetapkan dianggap perlanggaran arahan atau peraturan.

Dalam konteks kajian ini, pelajar merujuk kepada individu yang sedang menuntut di peringkat sekolah menengah sama ada lelaki atau perempuan yang berusia lebih kurang 16 tahun. Pelajar yang dipilih berada di tingkatan empat di sebuah sekolah dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu, dan mereka terlibat dalam melakukan salah laku disipin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Sidek Mohd Noah (2005) menyatakan bahawa batasan sesuatu kajian perlu dijelaskan bagi membantu pembaca menilai batasan yang berkaitan dengan sesuatu kajian. Ketepatan sesuatu hasil dapatan bergantung kepada teori yang digunakan sebagai asas penyelidikan, populasi dan bilangan sampel serta subjek kajian yang terlibat dalam soal selidik. Oleh itu penyelidik mengemukakan beberapa batasan kajian, antaranya adalah seperti berikut :

i. Kajian ini adalah berasaskan kepada gabungan kecerdasan emosi model Goleman dan pendekatan pemusatan-insan. Perkembangan tahap kecerdasan emosi yang difokuskan hanya kepada peringkat awal pertumbuhan remaja iaitu berumur 16 tahun. Oleh itu kajian ini terbatas kepada sampel pelajar tingkatan empat di sekolah menengah yang terpilih.

ii. Alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE) yang telah teruji kesahan dan kebolehpercayaannya.

iii. Alat kajian modul bimbingan kelompok pula dibina khusus oleh penyelidik untuk memberi nilai tambah kasih sayang kepada pelajar salah laku disiplin di sekolah. Modul bimbingan kelompok telah teruji baik dan mempunyai kesahan yang tinggi. Oleh yang demikian aktiviti yang diberikan selain dari yang terkandung dalam modul bimbingan kelompok adalah tidak berkaitan.

iv. Keberkesanan menggunakan intervensi bimbingan kelompok dalam kajian ini bergantung kuat kepada pengetahuan dan kemahiran kaedah melaksanakan aktiviti-aktiviti di dalamnya. Dalam kajian ini, penyelidik sendiri telah terlibat sepenuhnya sepanjang perjalanan kajian dengan bantuan dan pemantauan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaunselor pelajar yang juga telah dilatih. Oleh itu, untuk memastikan keberkesanan bimbingan kelompok dijalankan maka aspek pengetahuan, kemahiran dan latihan melaksanakan bimbingan kelompok ini juga menjadi batasan kajian.

Walaupun penyelidik mengemukakan beberapa batasan kajian, namun dapatan kajian ini telah membuka pandangan betapa pentingnya dijalankan bimbingan kelompok menggabungkan model kecerdasan emosi Goleman dan pendekatan pemusatan insan dalam meningkatan tahap kecerdasan emosi iaitu kesedaran terhadap diri, keupayaan menguruskan emosi, memotivasikan diri, empati dan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Hipotesis kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif di atas, bimbingan kelompok adalah berkesan terhadap membantu meningkatkan kecerdasan emosi dan sub konstruk kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial dalam kalangan pelajar salah laku disiplin berdasarkan kepada hipotesis-hipotesis berikut:

Hipotesis kecerdasan emosi umum

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian kecerdasan emosi umum antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho2 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian kecerdasan emosi umum dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian kecerdasan emosi umum dalam kalangan kumpulan kawalan.

Ho4 Terdapat perbezaan signifikan min posujian kecerdasan emosi umum antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis kesedaran kendiri

Ho5 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian kesedaran kendiri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Ho6 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian kesedaran kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian kesedaran kendiri dalam kalangan kumpulan kawalan.

Ho8 Terdapat perbezaan signifikan min posujian kesedaran kendiri antara dalam kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis pengawalan kendiri

Ho9 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian pengawalan kendiri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho10 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian pengawalan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho11 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian pengawalan kendiri dalam kalangan kumpulan kawalan.

H012 Terdapat perbezaan signifikan min posujian pengawalan kendiri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis motivasi diri

Ho13 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian motivasi diri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Ho14 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian motivasi diri dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho15 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian motivasi diri dalam kalangan kumpulan kawalan.

Ho16 Terdapat perbezaan signifikan min posujian motivasi diri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis empati

Ho17 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian empati antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho18 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian empati dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho19 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian empati dalam kalangan kumpulan kawalan.

Ho20 Terdapat perbezaan signifikan min posujian empati antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Hipotesis kemahiran sosial

Ho21 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian kemahiran sosial antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Ho22 Terdapat perbezaan signifikan min praujian dan posujian kemahiran sosial dalam kalangan kumpulan rawatan.

Ho23 Tidak terdapat perbezaan signifikan min praujian dan pos kemahiran social dalam kalangan kumpulan kawalan.

Ho24 Terdapat perbezaan signifikan min posujian kemahiran sosial antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

1.11 Rumusan

Bab 1 ini membincangkan tentang perkara-perkara atau senario yang berlaku pada masa kini yang menjadi bahan kajian. Bab ini merangkumi latar belakang kajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, signifikan kajian, definisi pemboleh ubah, batasan kajian dan juga telah membuat hipotesis kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TEORITIKAL KAJIAN & INTERVENSI BIMBINGAN KELOMPOK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian ini melihat kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Bab ini menghuraikan dua perkara iaitu pertama, pendekatan teori yang digunakan, kedua intervensi bimbingan kelompok yang digunakan dan rumusan kajian. Bahagian pertama menekankan pendekatan teori diguna dalam kajian ini iaitu teori kecerdasan emosi (EQ), dan teori pemusatan insan.

2.2 Pendekatan Teori Yang Mendasari Intervensi Bimbingan Kelompok

Kepelbagaian teori kaunseling yang wujud telah mendorong penyelidik untuk memilih tiga teori dalam usaha melihat kesan bimbingan kelompok ke atas tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan emosi. Dalam kajian ini terdapat tiga teori atau pendekatan yang mendasari kajian ini iaitu teori kecerdasan emosi dan pendekatan pemusatan insan yang dipelopori oleh Carl Rogers.

2.2.1 Teori Kecerdasan Emosi

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan menggunakan model Goleman bagi merujuk kepada bidang kecerdasan emosi yang dikaji. Menurut Goleman (1996 dalam Mohd Naharuddin, 2012), kecerdasan emosi adalah kemampuan seseorang mengatur kehidupan emosinya dan kecerdasannya (*to manage our emotional life with intelligence);* menjaga keselarasan emosi dan pengungkapnya (*the appropriateness of emotion and its expression*) melalui penampilan kesedaran diri, pengendalian diri, motivasi diri, empati dan ketrampilan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Goleman, penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada kecerdasan yang ada pada kecerdasan intelek (IQ) sahaja tetapi yang lebih penting adalah kecerdasan emosi (EQ) yang ada pada dirinya. Mengikutnya lagi kecerdasan intelek (IQ) tidak dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian diri serta hubungannya dengan masyarakat. Kecerdasan Emosi (EQ) mengikut kajian meninggalkan kesan yang mendalam dalam keseluruhan aspek kehidupan termasuk aspek kesihatan dan sosial.

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan model Goleman bagi merujuk kepada bidang kecerdasan emosi yang dikaji. Goleman (1999),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengutarakan lima itemr terhadap kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri (*self-awareness*), pengawalan kendiri (*self-regulation*), motivasi diri (*self-motivation*), empati (*empathy*) dan kemahiran sosial (*social skills*).

Item pertama iaitu kesedaran kendiri bermaksud kebolehan pelajar untuk mengawal perasaan ketika berhadapan dengan sesuatu situasi. Kebolehan ini kemudiannya berupaya membantu pelajar untuk membuat keputusan yang kongruen dengan pegangan atau nilai dalam dirinya. Secara tidak langsung, ia membolehkan pelajar itu membuat penilaian pada dirinya secara lebih adil dan realistik. Pelajar yang memiliki kelebihan ini akan sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan dirinya, bersikap terbuka apabila menerima maklum balas daripada orang lain dan bersedia untuk sentiasa belajar daripada kesilapan dan pengalaman yang dilalui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengawalan kendiri dimaksudkan sebagai keupayaan untuk mengurus emosi diri pelajar sebenarnya terbina atas sebab kesedaran terhadap diri, ekpresi emosi dan niat. Pelajar yang dapat mengawal emosinya mampu melaksanakan sesuatu tugas dengan mudah dan tenang. Kemampuan dalam mengurus emosi juga membantu pelajar memulihkan kesedihan emosi dengan lebih mudah dan berkesan.

Pelajar yang mempunyai motivasi diri pula merujuk kepada kecenderungan emosi yang berupaya untuk menggerakkan dan memandu individu itu ke arah pencapaian matlamat. Motivasi membantu pelajar mengambil inisiatif yang berlipat ganda dan gigih berusaha untuk memajukan diri serta tabah dalam menghadapi kesedihan mahupun kegagalan. Individu yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap motivasinya akan lebih mudah dalam pelaksanaan apa juga hal dan lebih terancang dalam membuat sesuatu penilaian yang realistik serta tidak mudah berputus asa.

Empati merupakan suatu keupayaan pelajar untuk mengenali, memahami dan menyelami emosi orang lain sehingga boleh memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap perasaan orang lain. Manusia kebiasaannya tidak dapat menyembunyikan lakaran dan rasa hati kerana ia akan mudah diekpresikan melalui raut wajah, nada suara dan bentuk senyuman. Oleh itu, individu yang mempunyai tahap empati yang tinggi mampu untuk menterjemahkan perasaan orang lain sekaligus membawa kesedaran untuk menguruskan situasi emosi ini dengan cara yang sewajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor atribusi terakhir menurut Goleman (1999 dalam Sharifah Akmam, 2005), ialah kemahiran sosial. Faktor ini membolehkan pelajar membina hubungan positif dengan orang lain. Kemahiran sosial turut merupakan antara elemen bersifat interpersonal yang melibatkan kebolehan mengurus emosi orang lain dalam perhubungan yang positif secara lebih berkesan dan sentiasa bersedia dengan situasi sosial serta interaksi yang mesra dengan orang lain. Pelajar yang menguasai kemahiran ini akan mencapai kepuasan dalam perhubungan sosial yang positif dan berjaya dalam bidang yang diceburi. Interaksi yang terjalin dengan penuh permuafakatan, tiada unsur-unsur prejudis mahupun penyakit-penyakit hati seperti berhasad dengki, adu domba, sombong dan bongkak akan pasti berupaya melahirkan masyarakat dinamis dan berkualiti pada erti kata yang sebenarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam intervensi bimbingan kelompok, terdapat kompetensi kecerdasan emosi yang diperlukan meliputi kecerdasan emosi personal dan kecerdasan emosi sosial. Kompetensi personal dibahagikan kepada tiga subkomponen iaitu kesedaran kendiri, pengurusan kawalan kendiri, dan motivasi kendiri. Kompetensi sosial pula dibahagikan kepada dua subkomponen iaitu kesedaran sosial dan kemahiran sosial.

2.2.2 Pendekatan Pemusatan Insan

Teori yang diasaskan oleh Rogers pada tahun 1961 adalah teori psikologi humanistik dan merupakan satu teori yang amat meluas digunakan dalam pelbagai bidang dan kepada pelbagai jenis klien. Menurut perspektif pemusatan insan, sememangnya manusia di lahirkan dengan segala macam potensi untuk berkembang dan mencapai kesempurnaan kendiri ataupun lebih dikenali dengan kesempurnaan kendiri (*self-actualization*). Roger percaya manusia mampu mencapai celik akal berkaitan masalah yang mereka hadapi apabila terdapat hubungan yang teraputik antara kaunselor dan klien (Ida Hartina, 2006).

Sabariah (2005) merumuskan, teori kendiri Carl Rogers yang menyatakan bahawa manusia mempunyai kecenderungan semulajadi ke arah kesempurnaan. Semua manusia secara fitrahnya adalah baik, positif, boleh dipercayai dan mampu mengendalikan kehidupannya sendiri. Masalah akan timbul apabila perkembangan semulajadi manusia ini terhalang (Rohani Nasir, 2006 dalam Sapora Sipon, 2007). Menurut Rogers, halangan ini sebenarnya dilakukan oleh manusia itu sendiri apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka bertingkah laku dengan cara yang tidak sesuai dengan jati diri mereka untuk tujuan mendapatkan respon positif dari orang lain. Oleh itu respon positif sangat penting dalam hubungan untuk perkembangan manusia.

Menurut Suradi Salim (1996), manusia mengikut pendekatan teori pemusatan insan ialah manusia dianggap mempunyai sifat-sifat positif dan mempunyai keinginan untuk berfungsi penuh, iaitu hidup dengan seberapa berkesan yang boleh. Jika seseorang itu dibenarkan untuk berkembang dengan bebas, dia akan berkembang dengan sempurna dan akan menjadi individu yang positif dan berjaya. Jika diberikan atau disediakan dengan persekitaran yang menggalakkan, manusia akan berkembang dengan yakin ke arah nirwana kendiri dan menjadi apa sahaja yang dia inginkan. Jika dia tidak menerima kasih sayang dan sokongan orang yang penting baginya, kemungkinan besar dia menganggap dirinya tidak berharga dan menganggap orang lain tidak boleh dipercayai, serta mereka akan bersikap mempertahankan diri dan perkembangan ke arah nirwana diri akan terhalang. Persepsi seseorang tentang diri dan persekitarannya merupakan realiti baginya.

Menurut Othman Mohamad (2005) dan Sapora Sipon (2007), menjelaskan klien bertanggungjawab mendapatkan kesedaran dirinya serta bergerak bertindak ke arah suatu kesedaran yang boleh menguntungkan dirinya dalam keadaan sebenar.

Menurut Rogers (1987 dalam Sapora Sipon, 2007), seseorang individu menilai pengalamannya dengan konsep kendiri. Seseorang individu mahu bertingkah laku yang seiring dengan imej kendirinya. Pengalaman dan perasaan yang tidak seiring akan menggugat dirinya dan tidak mungkin diterima atau disingkirkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan kawan-kawan mereka. Beliau juga telah menggunakan satu pendekatan fenomenologi dalam usahanya untuk memahami bagaimana individu melihat sendiri andaian-andaian yang mereka lakukan mengenai siapakah mereka dan apakah sifat-sifat perhubungan mereka dengan orang lain. Kecenderungan kesempurnaan adalah asas motif manusia yang tunggal. Beliau percaya manusia secara semulajadi cenderung untuk memelihara dirinya dan berusaha meningkatkannya dan inilah yang dimaksudkan dengan kesempurnaan.

Menurut Rogers, penghargaan kendiri adalah sebahagian daripada personaliti individu yang mempunyai unsur-unsur pengamatan diri yang merangkumi kebolehan dan sifat-sifat diri, hubungan dengan orang lain dan persekitaran, nilai dan kualiti yang berkait rapat dengan pengalaman dan matlamat sama ada yang bersifat positif atau negatif. Ia juga merupakan kesedaran kognitif dan afektif tentang imej mental dan spiritual yang melambangkan kepercayaan tentang siapakah dirinya yang sebenar.

Oleh itu, teori ini dipilih kerana teknik dalam teori ini melihat sikap kaunselor sebagai fasilatator sangat penting dalam menggerakkan perhubungan yang membolehkan klien berkembang. Terdapat tiga ciri kaunselor yang utama dalam menentukan kesan sesi, iaitu kongruen, empati beserta kefahaman yang mendalam dan menerima tanpa syarat (Othman,2005; Rohany, 2006 dalam Faridah Din, 2011).

Kelebihan pendekatan pemusatan insan berdasarkan kajian ini adalah terapinya berpusatkan pada klien. Penyelidik bukan sahaja membantu menyelesaikan masalah klien tetapi lebih daripada itu iaitu membantu klien dalam proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan agar klien dapat menghadapi dan mengatasi masalah pada masa kini dan pada masa hadapan.

2.3 Intervensi Bimbingan Kelompok

Bimbingan menggunakan modul adalah satu intervensi dalam membantu individu dalam proses kaunseling. Pendekatan pemusatan insan digunakan dalam pembinaan aktiviti modul intervensi bimbingan kelompok dalam kajian ini untuk membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Antara pengisian modul intervensi bimbingan kelompok untuk menguatkan jati diri pelajar, membersihkan hati pelajar dengan amalan baik dan kerohanian, tingkatkan nilai hidup positif dengan memotivasikan diri dalam mengawal emosi untuk mengatasi pengaruh negatif. Di samping itui, pengisian modul juga adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang tanggungjawab dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berwibawa. Pelajar diterapkan nilai kasih sayang tanpa syarat, rasa berterima kasih kepada Allah atas setiap nikmat dan keadaan, nilai kasih sayang ibu bapa yang telah berkorban untuk anak-anak mereka, memelihara kebersihan hati iaitu mempunyai hati yang bersih dan mulia dalam menjauhkan diri dari gejala sosial (Mohammad Aziz Shah, 2011).

Kerangka intervensi modul bimbingan kelompok yang digunakan dalam kajian ini adalah seperi berikut dan selebihnya dalam lampiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sinopsis modul intervensi bimbingan kelompok adalah seperti berikut :

Sesi 1 : Pergenalan kelompok dan membina hubungan

Masa : 120 minit

Matlamat : Menerangkan matlamat dan peranan ahli-ahli dalam kumpulan, membina kepercayaan dan perhubungan mesra sesama ahli kumpulan dan fasilatator.

Aktiviti 1 : Kenali Daku

Masa : 60 minit

Aktiviti 2 : Pendedahan kendiri

Masa : 60 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi 2 : Menerapkan konsep kasih sayang kepada diri sendiri

Masa : 120 minit

Matlamat :Memahami kekuatan dan kelemahan diri,meningkatkan kesedaran matlamat hidup kepada ahli kelompokdan meningkatkan keyakinan diri dan motivasi diri untuk mencapai matlamat hidup.

Aktiviti 1 : Kesedaran kendiri

Masa : 60 minit

Aktiviti 2 : Memotivasikan diri

Masa : 60 minit

Sesi 3 : Menerapkan konsep menghargai rakan, ibu bapa dan Allah SWT

Masa : 180 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat : Meningkatkan konsep menghargai rakan, ibu bapa dan Allah SWT melalui penjelasan tanggungjawab ahli kelompok dalam:

i.meningkatkan kemahiran sosial dan kemahiran berkomunikasi.

ii.Memupuk sikap untuk lebih memahami orang lain.dan memupuk sikap tolong menolong sesama ahli.

iii.Menggalakkan sikap bertolak ansur di dalam diri.

Aktiviti 1 : Perhubungan social

Masa : 60 minit

Aktiviti 2 : Empati

Masa : 60 minit

Aktiviti 3 : Mengendalikan emosi

Masa : 60 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi 4 : Penamatan

Masa : 60 minit

Matlamat : Membuat rumusan tentang keseluruhan sesi dan menamatkan sesi bimbingan kelompok.

Aktiviti 1 : Seikhlas hati seluhur budi


Masa : 60 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan kerangka kajian yang digambarkan seperti yang terdapat pada Rajah 2.2 untuk melihat kesan bimbingan kelompok terhadap tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.



Rajah 2.1. Gabungan Model Kecerdasan Emosi Goleman dan Pendekatan Pemusatan Insan Melihat Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Salah Laku Disiplin

Kumpulan rawatan mengikuti intervensi bimbingan kelompok pendekatan pemusatan-insan sebagai panduan dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin berdasarkan model kecerdasan emosi Goleman (1999) mengutarakan lima aspek utama kecerdasan emosi iaitu kesedaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kendiri(*self-awareness*), pengawalan kendiri (*self-regulation*), motivasi diri (*self-motivation*), empati (*emphty*) dan kemahiran sosial (*social-skills*).

Menurut Alma, Zuria dan Mokhtar (2006 dalam Faridah Din, 2011), pendekatan pemusatan-insan sangat sesuai digunakan dalam bimbingan kelompok. Ini kerana tekniknya tidak menimbulkan masalah psikologi kepada klien, walaupun digunakan oleh orang yang belum mahir. Pendekatan pemusatan insan adalah antara pendekatan yang selamat digunakan oleh kaunselor sekolah. Corey (1997), pula melihat bahawa penggunaan pendekatan pemusatan insan mempunyai nilai yang istimewa dalam aplikasi untuk intervensi krisis penerimaan positif, ikhlas, perhatian dan prihatin, pendengaran yang aktif serta respon yang membantu dari guru, kaunselor atau rakan membolehkan pelajar menceritakan masalah mereka dan mencari jalan penyelesaiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konsep kesempurnaan yang dihuraikan oleh Rogers boleh dikaitkan mengenai manusia yang mempunyai kecenderungan untuk mencapai kesempurnaan kendiri dan kestabilan emosi. Konsep kesempurnaan ini membantu untuk menguatkan jati diri pelajar, membersihkan hati pelajar dengan amalan baik dan kerohanian, tingkatkan nilai hidup positif dengan memotivasikan diri dalam mengawal emosi untuk mengatasi pengaruh negatif. Di samping itu, konsep kesempurnaan juga adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang tanggungjawab dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berwibawa. Pelajar diterapkan nilai kasih sayang tanpa syarat, rasa berterima kasih kepada Allah atas setiap nikmat dan keadaan, nilai kasih sayang ibu bapa yang telah berkorban untuk anak-anak mereka, memelihara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebersihan hati iaitu mempunyai hati yang bersih dan mulia dalam menjauhkan diri dari gejala sosial (Mohammad Aziz Shah et al, 2011).

2.5 Rumusan

Secara keseluruhan Bab 2 ini, penyelidik telah mengemukakan pendekatan teori yang digunakan, intervensi bimbingan kelompok yang digunakan bagi meningkatkan kecerdasan emosi iaitu kesedaran terhadap diri, keupayaan menguruskan emosi, memotivasi diri, empati dan kemahiran sosial pelajar salah laku disiplin di sekolah dan kerangka kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, sorotan kajian terhadap beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan dilaporkan. Sinopsis - sinopsis kajian yang telah dilakukan dalam dan luar negara diberi kupasan untuk menjelaskan kepentingan kajian ini. Aspek kajian lepas yang penting diberi penekanan ialah reka bentuk kajian, pemilihan subjek, batasan kajian, saiz sampel, dapatan dan keputusan kajian, kekuatan serta kelemahan kajian tersebut. Melalui sorotan ini diharap dapat membantu penyelidik memantapkan lagi hasil kajian disamping dapat meneroka beberapa isu atau persoalan yang belum terjawab serta rumusan bab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Perkaitan Antara Remaja Salah Laku Disiplin Dengan Kecerdasan Emosi

Kebelakangan ini masalah salah laku disiplin pelajar di sekolah telah menjadi isu masyarakat yang sering dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Kajian-kajian lepas dalam negara memfokus kepada salah laku disiplin pelajar yang menunjukkan bahawa salah laku disiplin pelajar sebagai salah satu elemen yang perlu dibantu oleh semua pihak bagi melahirkan modal insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Masalah kelangsangan pelajar yang terlibat dengan pelbagai tingkah laku negatif adalah perkara yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Pengaruh dan aktiviti langsang memberi kesan negatif kepada banyak pihak khususnya guru-guru dan pelajar. Dalam kajian Ahliza (2008), aspek tingkah laku langsang turut dilihat perkaitannya dengan kecerdasan emosi. Sebanyak 703 orang pelajar tingkatan empat dua buah sekolah menengah harian di dalam daerah Sabak Bernam, Selangor iaitu sebuah di kawasan bandar dan sebuah lagi di kawasan luar bandar. Seramai 115 pelajar dari kawasan bandar dan 96 pelajar dari kawasan luar bandar yang dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang terdiri daripada soal selidik kecerdasan emosi dan soal selidik kelangsangan telah digunakan dalam kajian tersebut. Hasil dapatan menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar sekolah bandar adalah lebih tinggi daripada tahap kecerdasan emosi pelajar sekolah luar bandar dan semakin tinggi kelangsangan semakin kurang tahap kecerdasan emosi pelajar. Justeru itu, gejala langsang dalam kalangan remaja sekolah perlu ditangani sebaik mungkin. Aspek kecerdasan emosi pelajar perlu diberi perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan semua program dan aktiviti di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terhadap pelajar sekolah turut dilakukan oleh Sarimah (2008) untuk mengukur hubungan di antara kecerdasan emosi (EQ) dengan personaliti agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Marang. Secara keseluruhannya kajian ini memberi implikasi terhadap perkembangan pelajar sebagai remaja dan individu yang bakal menerajui negara. Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam perkembangan diri pelajar secara keseluruhannya. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi atau rendah boleh mempengaruhi perkembangan kognitif, sosial, tingkah laku dan kehidupan.

Alat ujian yang sama iaitu *Otis-Lennon Mental Ability Test* digunakan dalam kajian Muhd Azlan (2007) untuk mengukur kecerdasan emosi dan Inventori Personaliti Sidek (IPS) untuk mengukur personaliti agresif dan ekstrovert. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan personaliti agresif dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat daripada salah sebuah menengah harian di Pahang. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kecerdasan emosi (EQ) bukanlah merupakan faktor utama yang menjadi pendorong kepada pelajar sekolah untuk bertingkah laku agresif.

Norazwa (2013), telah menjalankan kajian untuk melihat pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spritual di kalangan remaja salah laku. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Subkjek kajian seramai 370 orang pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah di Johor Bahru. Soal selidik yang digunakan terhadap responden diubahsuai berasaskan model kecerdasan emosi Goleman (1995). Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spritual dengan salah laku remaja. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cadangan agar pihak-pihak yang berkait rapat dengan remaja supaya memberi penekanan terhadap elemen kecerdasan emosi bagi mengurangi penglibatan remaja dalam salah laku.

Kajian luar negara turut membuktikan bahawa terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan salah laku disiplin. Goleman (1995 dalam Syarifah Akmam, 2005) telah membuat rumusan dari kajian yang dibuat oleh Achenbach (1993) tentang kemerosotan kecerdasan emosi dalam kalangan kanak-kanak kepada empat bahagian iaitu, (i) menarik dari pergaulan atau masalah sosial: kanak-kanak lebih suka menyendiri; dan bersikap sembunyi-sembunyi; suka bermuram; kurang semangat; merasa tidak bahagia; dan terlalu bergantung, (ii) cemas dan tertekan; sering menyendiri, sering takut dan cemas, ingin sempurna, merasa tidak disayangi; berasa gugup atau sedih, dan tertekan, (iii) memiliki masalah dalam hal perhatian dan berfikir; tidak mampu memusatkan perhatian atau duduk tenang; mengelamun; bertindak tanpa berfikir; bersikap mengelak untuk memberikan konsentrasi; sering mendapat markah rendah di sekolah; tidak mampu mengawal fikiran, (iv) nakal dan agresif; bergaul dengan rakan-rakan yang bermasalah; bohong dan menipu, sering bertengkar; bersikap kasar terhadap orang lain; menuntut perhatian; memusnahkan harta orang lain; degil di sekolah dan di rumah, keras kepala dan suasana hatinya sering berubah-ubah; terlalu banyak bercakap; sering bergurau atau mengolok-olok orang lain; dan sikap perasaan.

Kecerdasan emosi menjadi faktor penting dalam perkembangan dan pembangunan psikososial kanak-kanak (Goleman, 1995 dalam Sharifah Akmam, 2005). Malah ramai pengkaji berpendapat masalah kelangsangan dalaman dan luaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan tahap kecerdasan emosi. Sebagai contoh tahap kecerdasan emosi yang rendah didapati menjadi punca kepada kerendahan tahap empati dan kerendahan tahap kawalan emosi (Ciarrochi dalam Ahliza, 2008).

Menurut Walsh dan Donaldson (2010), gejala remaja lari dari rumah berlaku juga di kebanyakan negara. Dijangkakan 1.6 juta remaja melarikan diri dari rumah di Amerika Syarikat setiap tahun. *The Student Advisory Center* (SAC) menjangkakan sekurang-kurangnya 600 hingga 700 kes remaja bawah usia 16 tahun lari dari rumah dilaporkan di Singapura.

Kajian Kritoris dan Wallian (2014), telah membuat kajian secara rawak ke atas kumpulan kanak-kanak Amerika berumur tujuh hingga enam belas tahun. Hasil kajian yang dibuat *Achenbach* mendapati bahawa kemerosotan asas keterampilan emosi dalam kalangan kanak-kanak merupakan suatu keadaan yang dialami di seluruh dunia, di mana terdapat peningkatan ketara antara golongan remaja dalam masalah seperti putus asa, menyisihkan diri, penagihan dadah, jenayah dan kekerasan, tekanan, kehamilan luar nikah, buli dan dibuang sekolah.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Bacon dan Alison, M. (2014), melihat perbezaan jantina dalam hubungan antara trait kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen. Kajian ini dilakukan kepada sembilan puluh enam orang dewasa muda iaitu 48 orang perempuan dan dan 48 orang lelaki. Mereka yang mempunyai sifat yang lebih rendah EQ menunjukkan peningkatan yang lebih besar dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kenakalan. Keputusan dibincangkan dari segi peranan sifat EQ dalam menyokong pengawalan kendiri dan bagi sesetengah wanita, tahap kecerdasan emosi mungkin mempengaruhi mereka kepada bertingkah laku antisosial.

Walaupun kajian khusus tentang kelangsangan dan kecerdasan emosi kurang dijalankan, namun maklumat yang diperoleh dapat membuktikan bahawa kelangsangan mempunyai hubungan dengan kecerdasan emosi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa hubungan tersebut adalah penting dan signifikan.

Walaupun banyak kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara yang menumpukan remaja salah laku disiplin dan kecerdasan emosi secara kajian tinjauan telah dijalankan tetapi sehingga kini masih kurang kajian berbentuk ilmiah dari sudut kesan intervensi bimbingan kelompok menggunakan modul dijalankan bagi pemboleh ubah bersandar iaitu kecerdasan emosi. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat kesan intervensi bimbingan kelompok dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Remaja Salah Laku Disiplin.

Banyak kajian memfokus kepada intervensi bimbingan kelompok yang menunjukkan bahawa bimbingan kelompok sebagai salah satu elemen yang penting dalam perubahan diri remaja salah laku disiplin dari segi kognitif, emosi dan tingkah laku. Aspek kognitif telah dibuktikan keberkesanan intervensi bimbingan kelompok telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan penghargaan kendiri (Nasir, 2009; Faridah, 2011) dan konsep kendiri (Mohammad Aziz Shah & Fatimah, 2010; Fauziah, 2014), merawat tingkah laku peserta kajian (Aslina Ahmad, 2013).

Nasir (2009) telah menjalankan kajian yang bertujuan mengukur kesan intervensi kaunseling kelompok Adler ke atas persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri (penghargaan kendiri rakan sebaya dan penghargaan kendiri sekolah) dan tahap kemurungan dalam kalangan remaja berisiko. Kajian ini telah dilakukan secara eksperimen ke atas 40 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih oleh pengkaji secara rawak bertujuan. Subjek telah diagihkan kepada dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Subjek rawatan telah diberi lapan (8) sesi kaunseling kelompok. Data kuantitatif telah dikumpulkan berdasarkan praujian dan posujian yang telah diukur menggunakan Skala Penaksiran Kerisauan Remaja-*Adolescent Concern Evaluation.* Hasil kajian menunjukkan kaunseling kelompok berkesan meningkatkan penghargaan kendiri dan telah menurunkan tahap kemurungan pelajar berisiko.

Pelajar tingkatan empat turut dikaji oleh Faridah (2011). Kajian melihat keberkesanan bimbingan kelompok terhadap penghargaan kendiri pelajar Islam yang terlibat dengan salah laku ponteng sekolah. Kajian beliau menggunakan kaedah praujian dan posujian ke atas kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan kajiannya membuktikan bimbingan kelompok berjaya meningkatkan penghargaan kendiri pelajar-pelajar ponteng bagi kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya Mohammad Aziz Shah dan Fatimah (2012), menjalankan kajian untuk menguji kecekapan penggunaan kelompok bimbingan untuk meningkatkan konsep kendiri di kalangan para pelajar. 104 pelajar tingkatan empat dari dua buah sekolah menengah harian daerah Hulu Selangor telah dipilih sebagai subjek kajian. Mereka telah dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu empat kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan. Kesemua subjek dikehendaki menduduki ujian soal selidik Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM), Skala Penilaian Konsep Kendiri-Rakan Sebaya (SPKK-RS), Skala Daya Tahan Remaja (SDTR) dan Soal Selidik Kelangsangan dan Modul Kelompok Peningkatan Konsep Kendiri (MKPKK) sebelum dan selepas rawatan. Keputusan kajian menunjukkan kumpulan rawatan kelompok bimbingan kecil telah memperoleh peningkatan konsep kendiri keseluruhan dan beberapa sub-skala konsep kendiri (daya tahan dan kelangsangan) berbanding kumpulan rawatan berorientasikan kelompok bimbingan besar.

Seterusnya Aslina (2013), pula telah menjalankan kajian untuk melihat kesan Intervensi Psikopendidikan (IP) terhadap tingkah laku murid yang dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) di sekolah menengah. Subjek kajian seramai 86 orang pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di Selangor kerana terlibat dengan masalah disiplin. Reka bentuk kajian ini adalah kajian eksperimen kuasi praujian-pasca ujian dengan kumpulan kawalan. Subjek telah diagihkan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan kawalan, kumpulan rawatan individu, dan kumpulan rawatan kelompok. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa intervensi psikopendidikan yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling dengan menggunakan pendekatan kognitif dan mengaplikasikan kemahiran asas kaunseling telah dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah disiplin para peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Miller J. dan Barlup T. (2014), telah menjalankan kajian terhadap projek rintis program pendidikan pencegahan diri berasaskan kerangka teori pembelajaran kognitif sosial. Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah seksual di kalangan remaja berisiko. Kajian melibatkan 140 subjek yang dibahagikan kepada enam kelompok intervensi daripada sekolah menengah di tengah-tengah bandaraya New York. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pos sikap dan kesedaran terhadap aktiviti seksual empat daripada enam kumpulan intervensi. Rumusan kajian ini dapat meningkatkan sikap positif terhadap aktiviti seksual di kalangan remaja berisiko.

Dapatan yang sama turut diperoleh dalam kajian Visser V., Comans T., dan Sucuffham P. (2014), untuk menilai program intervensi berdasarkan komuniti yang dikenali sebagai kelompok strategi mengurangkan risiko. Program yang dianjurkan oleh biro remaja Baltimore City yang menawarkan perkhidmatan kaunseling untuk remaja daripada latar belakang delinkuen dan tingkah laku bermasalah. Kajian ini melibatkan 40 orang subjek. Dalam kajian ini, kelompok intervensi dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu kelompok strategi untuk mengurangkan risiko, kelompok kawalan dan kelompok intervensi biasa. Daripada kajian menunjukkan kelompok strategi mengurangkan risiko dengan menggabungjalinkan pendekatan kaunseling adalah berkesan untuk mengurangkan pelbagai tingkah laku bermasalah.

Walaupun banyak kajian dalam negara dan luar negara melihat keberkesanan bimbingan atau kaunseling kelompok di kalangan remaja salah laku disiplin telah dijalankan tetapi sehingga masih kurang kajian berbentuk ilmiah dari sudut kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

intervensi menggunakan modul bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin.

3.4 Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi

Kajian-kajian lepas dalam negara dan luar negara memfokuskan kepada intervensi bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi.

Lim (2009) telah menjalankan kajian berkaitan keberkesanan kaunseling kelompok dalam meningkatkan kecerdasan emosi dengan mengguna alat ujian kajian "*Bar- On Emotional Quotient Inventory : Youth Version (Bar On EQ-i:YV)"*. Kajian dilakukan secara eksperimental ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa intervensi kaunseling kelompok berupaya untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi remaja.

Intervensi kaunseling kelompok turut dikaji keberkesanannya dalam kajian Mohd Amri (2007). Kajian ini telah dilaksanakan di sebuah sekolah di daerah Kuala Selangor, Selangor. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang dipilih secara rawak. Alat kajian yang digunakan adalah Skala Kecerdasan Emosi. Data dan analisis yang diperoleh telah mendapati bahawa terdapat kesan positif daripada intervensi kaunseling kelompok yang diberikan kepada para pelajar dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi. Ini menunjukkan bahawa kajian berbentuk eksperimen ini berupaya mewujudkan intervensi berbentuk rawatan dan pencegahan kepada individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Anida (2008) berkaitan intervensi kaunseling kelompok berupaya meningkatkan kecerdasan emosi pelajar sekolah agama. Oleh itu, didapati bahawa kecerdasan emosi merupakan aspek yang penting dalam kehidupan para pelajar. Selain itu, intervensi bersesuaian dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi seseorang pelajar.

Kajian Mowat dan Joan Gaynor (2011), menilai kerja kumpulan bagi melihat kesan murid yang mempunyai masalah sosial dan tingkah laku emosi dalam sebuah sekolah menengah yang terletak di kawasan di Scotland. Kajian itu adalah secara kualitatif dan melibatkan 69 orang subjek. Kajian ini menggunakan data yang diambil daripada kehadiran, pencapaian akademik dan disiplin. Dapatan diperolehi daripada soal selidik terbuka dan tertutup, temubual dan perbincangan kumpulan secara berfokus. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada sejauh mana murid-murid membangunkan kecerdasan intrapersonal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai sekurang-kurangnya satu tahap, kecerdasan intrapersonal.

Walaupun banyak kajian yang telah dijalankan di dalam negara dan di luar negara melihat kesan bimbingan atau kaunseling kelompok terhadap kecerdasan emosi telah dijalankan tetapi masih kurang kajian berbentuk ilmiah dari sudut kesan intervensi bimbingan kelompok menggunakan modul bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Modul digunakan berdasarkan pendekatan pemusatan insan dan pendekatan al-Ghazali membantu klien dalam proses perkembangan agar klien dapat menghadapi dan mengatasi masalah pada masa kini dan pada masa hadapan untuk mencapai kesempurnaan kendiri dan kestabilan emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memenuhi kekosongan pengertian unsur kerohanian dalam proses bimbingan pelajar. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat kesan intervensi bimbingan kelompok dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar.

3.5 Rumusan

Secara keseluruhan Bab 3 ini telah mengemukakan beberapa kajian literatur dalam negara dan luar negara yang berkaitan dengan bimbingan kelompok, kecerdasan emosi dan salah laku displin pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini menyatakan berkaitan reka bentuk dalam menjalankan kajian, lokasi kajian yang dijalankan, pemilihan subjek kajian, alat kajian yang digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian, prosedur menjalankan rawatan, penganalisisan data yang didapati daripada kajian ini, pengujian hipotesis, rangka rawatan intervensi, tahap perkembangan dalam proses kelompok dan matlamat dan prosedur kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat dikategorikan sebagai kajian eksperimen kerana kajian ini mempunyai ciri-ciri seperti subjek kajian, pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Dalam konteks kajian ini, subjek yang terlibat merupakan pelajar salah laku disiplin. Pemboleh ubah bebas yang diuji ialah intervensi yang diberikan iaitu bimbingan kelompok. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tahap kecerdasan emosi.

Menurut Aslina (2013), sekurang-kurangnya terdapat dua kumpulan subjek yang terlibat dalam kajian eksperimen, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan merupakan kumpulan yang belum diberikan intervensi yang ingin diuji dalam kajian, manakala kumpulan rawatan merupakan kumpulan yang diberikan intervensi yang ingin diuji kesannya dalam sesuatu kajian. Memandangkan kajian ini melibatkan kedua-dua kategori kumpulan tersebut, iaitu kumpulan kawalan atau kumpulan yang belum menerima intervensi bimbingan kelompok, dan kumpulan rawatan yang merupakan kumpulan yang menerima intervensi bimbingan kelompok. Kajian ini dapat dikategorikan sebagai kajian berbentuk eksperimen.

Dalam kajian ini terdapatnya pemboleh ubah bebas yang merupakan intervensi yang ingin diuji dalam kajian eksperimen. Bagi kajian ini, intervensi yang diuji ialah intervensi bimbingan kelompok. Menurut Aslina (2013), kajian eksperimen melibatkan dimensi masa dan pengukuran dibuat sekurang-kurangnya sebanyak dua kali. Terdapat dua ukuran ulangan, iatu praujian (sebelum intervensi dijalankan) dan posujian (iaitu selepas intervensi diberikan) dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian eksperimen perlu ada ukuran skor pemboleh ubah bersandar yang dibuat pada awal kajian (praujian) dan dibandingkan dengan ukuran skor pemboleh ubah bersandar yang sama pada akhir intervensi (posujian). Dalam konteks kajian ini, skor bagi pemboleh ubah bersandar untuk kedua-dua kumpulan diambil dalam praujian dan posujian. Kajian ini juga turut menggunakan instrumen yang sama untuk praujian dan posujian yang dijalankan. Dengan ini dapatan kajian boleh menentukan kesan intervensi ke atas emosi pelajar salah laku disiplin.

Memandangkan pemilihan subjek dibuat secara persampelan bertujuan, kajian ini tidak boleh dikategorikan sebagai kajian eksperimen sebenar. Sebaliknya, kajian ini dapat digolongkan dalam kajian eksperimen kuasi. Kajian eksperimen kuasi merupakan kajian yang dijalankan apabila pengkaji tidak dapat mengawal keseluruhan pemboleh ubah *extraneous,* dan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan juga didapati tidak homogen (Chua, 2006). Kajian ini dilakukan ke atas individu yang sentiasa terdedah dengan ralat-ralat dari luar misalnya perbezaan jantina, umur, latar belakang, pengalaman lepas, pengetahuan sedia ada, pengaruh persekitaran dan sebagainya. Kesemua faktor berkenaan boleh mempengaruhi hasil eksperimen (Aslina, 2013).

Kajian ini merupakan kajian eksperimen kuasi praujian dan posujian dengan kumpulan kawalan (*pretest posttest control group)*. Reka bentuk kajian ini telah banyak digunakan oleh pengkaji tempatan (Fauziah, 2014; Aslina, 2013; Faridah, 2011; Nasir, 2009; Munawara, 2008; Hamshah, 2007). Subjek dipilih menggunakan persempelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan ini menggunakan ciri-ciri tingkah laku salah laku disiplin. Kumpulan rawatan merupakan pelajar yang salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku disiplin manakala kumpulan kawalan ialah kumpulan pelajar tidak bermasalah disiplin.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian eksperimen ini adalah sesuai memandangkan terdapatnya dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Selain itu, kajian eksperimen merupakan metodologi kajian yang paling berkesan untuk melihat hubungan kesan bimbingan kelompok ke atas kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin, maka reka bentuk kajian eksperimen merupakan pendekatan yang sesuai untuk digunakan.

Sebelum intervensi dijalankan, seramai 45 orang pelajar tingkatan empat yang mempunyai rekod salah laku disiplin dipilih sebagai sampel kajian dan diberikan praujian. Data ujian ini dikumpul dan dianalisis dalam bentuk kuantitatif. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap kecerdasan emosi (EQ) peserta kelompok dengan menggunakan alat ujian Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE). Proses reka bentuk kajian seperti Jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4.1

Reka bentuk kajian eksperimen kuasi praujian dan posujian dengan kumpulan kawalan

Kumpulan	Praujian	Rawatan	Posujian
Kumpulan Kawalan (KK)	01	X1	02
Kumpulan Rawatan (KR)	01	X2	02

Petunjuk

01 Praujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

X1 Masih belum menerima intervensi

X2 Intervensi bimbingan kelompok

02 Posujian

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, kajian ini adalah bertujuan untuk menguji kesan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar ke atas pelajar salah laku disiplin. Terdapat satu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jenis kelompok yang terdiri daripada kumpulan rawatan (KR) dan kumpulan kawalan (KK). Kumpulan rawatan akan diberi intervensi bimbingan kelompok manakala kumpulan kawalan tidak menerima sebarang rawatan dalam tempoh masa kajian ini dijalankan. Intervensi akan diberikan kepada kumpulan kawalan tersebut setelah proses pengumpulan data selesai dilakukan. Praujian (01) dan posujian (02) dijalankan bagi mengukur pemboleh ubah bersandar iaitu kecerdasan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Tempat Kajian

Tempat kajian ialah lokasi kajian dijalankan. Bagi kajian ini, lokasi kajian yang dipilih ialah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Penyelidik bersetuju memilih lokasi kajian ini berpandukan data dan rekod kes salah laku disiplin negeri Terengganu tahun 2014 yang diperoleh melalui Unit Disiplin, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Pemilihan ini juga disebabkan sampel yang dipilih dapat memenuhi skop dan kehendak kajian yang akan dijalankan. Selain itu, sekolah kajian juga dicadangkan oleh Unit Disiplin, JPNT berdasarkan maklumat lisan dan rekod kaunseling, kaunselor sekolah kajian menunjukkan pelajar salah laku seringkali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memiliki kecerdasan emosi yang rendah. Melalui perbincangan awal, pihak pentadbir dan kaunselor sendiri mengalu-alukan kehadiran penyelidik untuk cuba membantu pihak pentadbir menangani masalah ini walaupun tidak sepenuhnya.

Selain itu, faktor persetujuan ibu bapa atau penjaga pelajar dan faktor penerimaan dan kesediaan pihak sekolah berkenaan. Faktor ini penting bagi kajian eksperimen kerana kajian ini memerlukan suatu tempoh masa yang agak padat. Kajian ini juga akan dijalankan di sekolah yang mempunyai kemudahan bilik kaunseling kelompok yang kondusif agar sesi yang dijalankan nanti akan lebih teraputik

4.4 Pemilihan Subjek Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, subjek kajian yang digunakan dalam kajian adalah berfokuskan kepada 45 orang pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Responden terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang berumur antara 15 dan 16 tahun yang mempunyai rekod salah laku disiplin berdasarkan Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM) tahun 2015, pertimbangan awal guru disiplin, guru bimbingan dan kaunseling, guru kelas dan juga guru penolong kanan hal ehwal murid.

Seterusnya subjek kajian diukur tahap kecerdasan emosi dengan menggunakan Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE). Soal selidik ini digunakan untuk mengesan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperolehi maklumat dari soal selidik, penyelidik menyenaraikan nama pelajar yang dikategorikan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Setelah itu, seramai 45 orang pelajar yang memiliki tahap kecerdasan yang rendah dipilih untuk dijadikan sampel kajian eksperimental praujian dan posujian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Taburan subjek kajian dijelaskan dalam jadual 4.2 dibawah:

Jadual 4.2

Taburan Subjek mengikut Kelompok


Kelompok Rawatan	Kelompok Kawalan	Jumlah
30	15	45

Daripada empat puluh lima (45) orang pelajar tersebut, seramai tiga puluh (30) orang pelajar diletakkan dalam kumpulan rawatan dan lima belas (15) orang pelajar diletakkan dalam kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan subjek kajian dijelaskan lagi dalam Rajah 4.1 berikut:



Rajah 4.1. Carta Aliran Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan dan Pengumpulan Data Subjek Kajian

Rawatan sesi bimbingan kelompok diberi terhadap kumpulan rawatan. Manakala kumpulan kawalan merupakan kelompok yang tidak mengikuti sebarang rawatan. Mereka mengikuti sesi bimbingan individu, bimbingan kelompok atau sesi kaunseling yang ditentukan oleh kaunselor atau pihak sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Alat Kajian

Penyelidik menggunakan Soal Selidik Kecerdasan Emosi (SSKE). Soal selidik Kecerdasan Emosi telah diperkenalkan oleh Goleman (1995) yang telah diubahsuai oleh Abdul Malek, 2004 dalam Mohd Naharuddin, 2012) berdasarkan budaya di Malaysia. Soal selidik ini mengandungi 32 item yang mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar berdasarkan lima konstruk iaitu, kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Jadual 4.3 akan menerangkan taburan item soal selidik kecerdasan emosi.

Jadual 4.3

Taburan Item Soal Selidik Kecerdasan Emosi

Kecerdasan Emosi (EQ)	Taburan Item	Jumlah Item
Kesedaran kendiri	1, 2, 3, 4, 5	5
Pengawalan kendiri	6,7,8,9,10, 11	6
Motivasi diri	12,13,14,15,16, 17, 18	7
Empati	19,20, 21, 22, 23, 24,25	7
Kemahiran sosial	26, 27, 28, 29, 30, 31, 32	7
JUMLAH		32

Terdapat lima item di dalam subskala kesedaran terhadap diri dalam mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Jadual 4.4 akan menerangkan taburan item kesedaran kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Item Kesedaran Kendiri

No	Pernyataan
1	Saya tahu kenapa saya marah.
2	Saya sedar perasaan mempengaruhi tingkah laku saya.
3	Saya sedar matlamat hidup saya.
4	Saya sedar tentang kekuatan dan kelemahan diri saya.
5	Saya belajar daripada pengalaman

Terdapat enam item di dalam subskala keupayaan menguruskan emosi diri dalam mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Jadual 4.5 akan menerangkan taburan item pengawalan kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Item Pengawalan Kendiri

No	Pernyataan
6	Saya boleh berjenaka.
7	Saya yakin tindakan yang betul.
8	Saya berani menyuarakan pandangan.
9	Saya mampu membuat keputusan
10	Saya boleh mengurus tekanan dengan baik.
11	Saya sedia mengaku kesalahan sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat tujuh item di dalam subskala motivasi diri dalam mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Jadual 4.6 akan menerangkan taburan item motivasi diri.

Jadual 4.6

Item Motivasi Diri

No	Pernyataan
12	Saya melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.
13	Saya melakukan tugasan dengan teratur.
14	Saya boleh melakukan pelbagai tugasan dalam satu-satu masa.
15	Sebelum bertindak saya berfikir mengikut keutamaan.
16	Saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi.
17	Saya boleh menggalakkan orang lain untuk mencapai kejayaan.
18	Saya berusaha mencapai matlamat walaupun ada halangan.

Terdapat tujuh item di dalam subskala empati dalam mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Jadual 4.7 akan menerangkan taburan item empati .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Item Empati

No	Pernyataan
Justeru, bahagian ini membincangkan dapatan kajian intervensi pencegahan dan rawatan kajian. Kajian dijalankan terhadap subjek kajian yang terdiri daripada kalangan pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Eksperimen dijalankan terhadap 45 orang pelajar di mana setiap kumpulan rawatan seramai 30 orang pelajar yang dibahagi dua kumpulan iaitu setiap kumpulan rawatan seramai 15 orang pelajar dan kumpulan kawalan terdiri daripada lima belas (15) orang pelajar. Subjek yang mengikuti sesi bimbingan kelompok ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah subjek yang mengalami tahap kecerdasan emosi yang rendah yang bermasalah salah laku disiplin.

Kajian yang menggunakan pendekatan pemusatan insan ini telah menunjukkan rawatan mengurangkan masalah salah laku disiplin didapati berkesan dilakukan dengan menggunakan bimbingan kelompok bagi kelompok bimbingan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan sesi bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi memberi kesan positif kepada pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin. Ini menunjukkan modul intervensi bimbingan kelompok yang digunakan semasa sesi eksperimen yang menekankan pemusatan insan memberi kesan yang positif kepada klien.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Perbincangan

Keputusan kajian ini telah menunjukkan bahawa intervensi bimbingan kelompok yang telah digunakan berkesan dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar bermasalah salah laku disiplin dalam kumpulan rawatan adalah signifikan. Ini menunjukkan pendekatan pemusatan insan yang dijalankan telah memberi kesan yang positif bagi membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi di kalangan pelajar kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.1 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Umum

Perbincangan tentang kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi umum dalam kalangan pelajar salah laku disiplin pendekatan pemusatan insan adalah merujuk kepada jadual 5.3 min kecerdasan emosi umum praujian bagi kumpulan rawatan ialah 65.30, manakala min kecerdasan emosi umum posujian ialah 97.23. Secara statistiknya bacaan min praujian dengan bacaan min posujian kecerdasan emosi umum dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 31.93. Keputusan kajian ini menunjukkan bimbingan kelompok yang dilaksanakan selama lapan sesi kepada kumpulan rawatan cukup berkesan dalam membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi umum di kalangan subjek keseluruhan pelajar salah laku disiplin. Ini menunjukkan kajian ini menyokong kajian Nasir (2009) dan Faridah (2011) yang mendapati bahawa bimbingan kelompok berkesan dalam mengurangkan masalah disiplin pelajar seperti samseng, pembuli, kaki ponteng, mencuri dan sebagainya.

Dapatan bagi kesan bimbingan kelompok membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi umum juga menunjukkan terdapat peningkatan yang positif. Merujuk jadual 5.5, min kecerdasan emosi umum posujian bagi kumpulan rawatan ialah 97.23, manakala min kecerdasan emosi umum posujian bagi kumpulan kawalan ialah 64.67. Maka, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min posujian kecerdasan emosi umum antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Bacaan min posujian kecerdasan emosi umum lebih tinggi sebanyak 32.56 bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Dapatan ini menyokong dapatan kajian-kajian Mohd Amri (2007), Anida (2008) dan Lim (2009) yang mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bimbingan kelompok dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi seseorang pelajar.

Dapatan kajian ini juga dapat membantu mengatasi permasalahan yang telah dikenalpasti daripada kajian Muhd Azlan (2007) ke atas pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat daripada salah sebuah menengah harian di Pahang. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan personaliti agresif dalam kalangan pelajar. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kecerdasan emosi (EQ) bukanlah merupakan faktor utama yang menjadi pendorong kepada pelajar sekolah untuk bertingkah laku agresif. Kecerdasan emosi boleh membentuk displin pelajar . Melalui kecerdasan emosi pelajar, displin pelajar dapat dibentuk dan dapat mengelakkan dari gejala negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini juga telah menyokong kajian Ahliza (2008) ke atas 703 orang pelajar tingkatan empat di Selangor iaitu 115 pelajar dari kawasan bandar dan 96 pelajar dari kawasan luar bandar. Hasil dapatan menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar sekolah bandar adalah lebih tinggi daripada kecerdasan emosi pelajar sekolah luar bandar dan semakin tinggi kelangsangan semakin kurang kecerdasan emosi pelajar.

Begitu juga dengan Norazwa (2013), telah menjalankan kajian untuk melihat pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spritual di kalangan remaja salah laku. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Subkjek kajian seramai 370 orang pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah di Johor Bahru. Soal selidik yang digunakan terhadap responden diubah suai berasaskan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan emosi Goleman (1995). Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spritual dengan salah laku remaja. Oleh itu, cadangan agar pihak-pihak yang berkait rapat dengan remaja supaya memberi penekanan terhadap elemen kecerdasan emosi bagi mengurangi penglibatan remaja dalam salah laku. kecerdasan emosi perlu diterapkan kepada pelajar supaya mereka dapat membentuk displin yang baik dan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di sekolah.

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan kecerdasan emosi menjadi peramal kepada pelbagai perkembangan yang positif dalam kehidupan individu antaranya kesejahteraan, keupayaan membuat penyesuaian, kemahiran mengendalikan masalah, kesihatan mental, trait personaliti yang positif, pencapaian akademik dan kesihatan fizikal dan psikologikal (Alegre, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan ini Alegre berpendapat bahawa kebolehan kecerdasan emosi boleh dipertingkatkan dengan menggunakan pendekatan program latihan berasaskan sekolah yang berkaitan dengan emosi. Pendapat Alegre ini selari dengan pendapat Bar-On di mana menurut Bar-On kecerdasan emosi boleh berkembang dari semasa ke semasa, boleh berubah dan boleh dipertingkatkan melalui latihan, program pemulihan, dan intervensi terapeutik. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Alegre (2011). Dalam kajiannya, Alegre telah mengenal pasti tiga program khas berasaskan sekolah yang dikaji dan menunjukkan kejayaan dalam mendidik murid-murid sekolah dalam kebolehan mengawal emosi kendiri, kesedaran dan memahami diri sendiri dan kemahiran sosial yang berkaitan dengan rakan sebaya serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah yang berhubung dengan sosial. Program-program yang disebutkan amat berkesan dalam mengurangkan masalah tingkah laku agresif dan meningkatkan tingkah laku prososial terutamanya kepada murid-murid lelaki.

6.3.2 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kesedaran Kendiri

Hasil kajian kesan bimbingan kelompok terhadap kesedaran kendiri pula telah memberi impak positif berdasarkan jadual 5.7 dan 5.9. Keputusan Jadual 5.7 menunjukkan min kesedaran kendiri praujian bagi kumpulan rawatan ialah 11.73, manakala min kesedaran kendiri posujian ialah 16.40. Maka, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min praujian dan posujian kesedaran kendiri antara kumpulan rawatan. Secara statistiknya, bacaan min praujian dengan bacaan min posujian kesedaran kendiri dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 4.67.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian Mohd Amri (2007) yang menyatakan kendiri yang tinggi membolehkan pelajar mengenal pasti, mengakui dan mengiktiraf perasaan dan memahami mengapa perasaan itu wujud. Tanpa kesedaran kendiri, bermakna individu itu boleh bertindak balas dengan persekitaran tetapi tidak mampu membina makna hasil daripada tindakan dan reaksi itu. Pelajar yang mempunyai kesedaran kendiri yang tinggi berkebolehan dan berkemampuan menangani ketidakstabilan emosi yang berpunca daripada tekanan dengan cara yang positif dan mampu mengurusnya dengan baik. Bagi pelajar yang mengetahui dan memahami punca tekanan emosi yang mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hadapi, membolehkan mereka mencari jalan penyelesaian dengan betul.

Dapatan Jadual 5.9 pula menunjukkan min kesedaran kendiri posujian bagi kumpulan rawatan ialah 16.40, manakala min kesedaran kendiri posujian bagi kumpulan kawalan ialah 13.00. Oleh itu, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan bacaan min posujian kesedaran kendiri antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Bacaan min posujian kesedaran kendiri kumpulan rawatan lebih tinggi sebanyak 3.40 berbanding kumpulan kawalan. Dapatan penyelidik menyokong kajian Ahmad Rosly (2007), yang menyatakan pelajar mungkin cuba menyembunyikan perasaan sebenar dan tidak mahu menunjukkan perasaan sendiri secara terus terang. Hal ini menunjukkan golongan remaja masih tidak mengetahui emosinya. Justeru, seseorang mungkin gagal menguasai emosinya dan fikirkan tentang emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, dapatan kajian mendapati intervensi bimbingan kelompok amat berkesan membantu dalam mengatasi permasalahan tersebut dengan meningkatkan tahap kesedaran kendiri pelajar di mana pelajar melihat segala permasalahan itu boleh diatasi dengan berfikiran positif dan berusaha mengatasi permasalahan yang timbul dengan rasional dan bijak.

Dapatan kajian menunjukkan dimensi kesedaran kendiri berada pada tahap yang tertinggi mengatasi dimensi kecerdasan emosi yang lain. Kajian ini selari dengan teori kecerdasan emosi yang dijadikan panduan dalam kajian ini di mana menurut Goleman, individu yang mempunyai kecerdasan emosi adalah mereka yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan serta mempunyai kesedaran kendiri (Goleman, 2001 dalam Hamidah, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran kendiri merujuk kepada kebolehan kognitif dalam menilai dengan tepat emosi, perasaan dan tingkah laku sendiri. Selain itu kesedaran kendiri juga berkaitan dengan menggambarkan peluahan perasaan individu. Dalam kata lain dimensi kesedaran kendiri ini merujuk kepada kebolehan individu merefleks kendiri dan memahami emosi sendiri khususnya menggunakan maklumat emosi dalam membuat pilihan dan pengadilan (George, 2000 dalam Norazwa, 2013). Memahami emosi akan memberi impak kepada komunikasi emosi yang tepat di mana individu perlu meningkatkan komunikasi dengan orang lain dalam usaha memahami keperluan, matlamat dan objektif diri sendiri dan orang lain. Konsep ini membolehkan individu sedar dalam membuat pilihan dengan memberi keutamaan dan bersesuaian dalam kehidupan (Richburg & Fletcher, 2002 dalam Norazwa, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Tanpa kemahiran dalam dimensi kesedaran kendiri ini memungkinkan remaja bertindak agresif mengikut emosi contohnya apabila remaja berada dalam emosi marah. Apabila remaja dalam keadaan marah, mereka mungkin tidak dapat mengenal emosi tersebut dan ini mungkin akan mendorong mereka bertingkah laku yang tidak normal seperti bertindak secara agresif, ganas, menarik diri atau berada dalam keadaan yang tertekan. Perkara ini diakui sendiri oleh Goleman (1995 dalam Hamidah, 2013) di mana beliau menegaskan remaja yang dikuasai perasaan marah akan mengeluarkan kemarahan mereka kepada orang lain dengan cara menyakiti orang tersebut atau menyakiti diri sendiri, sekiranya mereka tidak sedar dan tidak dapat mengenal pasti akan punca emosi yang dialami ketika itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.3 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Pengawalan Kendiri

Perbincangan tentang kesan bimbingan kelompok terhadap pengawalan kendiri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin adalah merujuk kepada jadual 5.11 dan 5.13. Berdasarkan Jadual 5.11 menunjukkan min pengawalan kendiri praujian bagi kumpulan rawatan ialah 12.50, manakala min pengawalan kendiri posujian ialah 18.73. bacaan min praujian dengan bacaan min posujian pengawalan kendiri dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.23. Maka, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min praujian dan posujian pengawalan kendiri antara kumpulan rawatan.

Berdasarkan Jadual 5.13 menunjukkan min pengawalan kendiri posujian bagi kumpulan rawatan ialah 18.73, manakala min pengawalan kendiri posujian bagi kumpulan kawalan ialah 13.33. Bacaan min posujian pengawalan kendiri lebih tinggi sebanyak 5.40 kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Oleh itu, keputusan penyelidikan mendapati terdapat perbezaan signifikan bacaan min posujian pengawalan kendiri kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Perbincangan tentang tahap pengawalan diri dalam kalangan pelajar salah laku disiplin merupakan isu penting dan perlu diberi perhatian. Kemahiran mengawal dan menggunakan emosi secara bijak sebenarnya boleh menjamin kejayaan dalam kehidupan (Goleman, 1955 dalam Ahmad Rosly, 2007). Berkemungkinan juga, pelajar sekolah lebih mudah untuk berjenaka tanpa perasaan malu berbanding golongan dewasa. Untuk berjenaka seseorang itu perlu mempunyai personaliti *ekstrovert* dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mudah mendekati orang lain. Ini sesuai dengan dapatan Eysenck dan Cookson (1961 dalam Mohd Naharuddin, 2012), yang telah membuat kajian di kalangan pelajar sekolah rendah di *Stafforshire* dan beliau mendapati pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi adalah berpersonaliti *ekstrovert.*

Satu lagi kajian yang menyokong dapatan kajian terhadap pengawalan kendiri ini ialah kajian berhubung dengan masalah yang dialami oleh pelajar yang dijalankan oleh Norazwa (2013) pula mendapati salah satu kaedah terbaik untuk mengendalikan emosi unsur kecindan.Biasanya individu dapat melupakan tekanan yang dihadapi dengan menonton filem-filem komedi. Ini juga boleh ditafsirkan sebagai salah satu kaedah mengendalikan emosi juga sebagai satu terapi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pengawalan emosi merujuk kepada kebolehan individu meregulasi atau mengurus emosi dan tingkah laku mengikut situasi yang sesuai. Dalam membuat refleksi kognitif, individu perlu mempertimbangkan tingkah laku emosi yang berpotensi memberikan kesan dan menerima kesan dalam situasi tertentu. Hal ini selari dengan pernyataan Goleman (1995 dalam Hamidah, 2013) yang menegaskan bahawa kemahiran kawalan kendiri amat perlu dalam proses mengurus emosi. Pernyataan Goleman ini disokong oleh Mayer dan Salovey dalam menerangkan Teori Kecerdasan Emosi (dalam model empat cabang) bahawa kecerdasan emosi terdiri daripada empat kebolehan yang saling berkaitan di antara satu sama lain iaitu kebolehan mengenal pasti emosi, mengguna emosi, memahami emosi dan meregulasi atau mengurus emosi. Tambahan pula, menurut Salovey (1990 dalam Norazwa, 2013), kebolehan mengurus emosi akan memberi kesan yang positif kepada kesihatan fizikal seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.4 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Motivasi Diri

Dapatan kajian kesan bimbingan kelompok terhadap motivasi diri merujuk kepada jadual 5.15 dan 5.17. Berdasarkan Jadual 5.15, min motivasi diri praujian bagi kumpulan rawatan ialah 14.33, manakala min motivasi diri posujian ialah 21.53. Bacaan min praujian dengan bacaan min posujian motivasi diri dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7.20. Keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min praujian dan posujian motivasi diri antara kumpulan rawatan.

Dapatan disokong oleh Ahmad Rosly (2007), pelajar salah laku disiplin boleh menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Seterusnya pelajar juga boleh menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan prestasi kognitif dengan cara mempunyai atau menaruh harapan terhadap sesuatu. Dengan itu segala kebimbangan, sikap putus asa dan kesedihan yang dialami dapat diredakan. Segala harapan dan keyakinan akan menghasilkan suatu sikap positif yang dapat bertindak sebagai penghalang kepada seseorang itu daripada terjebak dalam tekanan apabila menghadapi masalah.

Hasil dapatan Jadual 5.17 menunjukkan min motivasi diri posujian bagi kumpulan rawatan ialah 21.53, manakala min motivasi diri posujian bagi kumpulan kawalan ialah 14.27. Bacaan min posujian motivasi diri dalam kumpulan rawatan lebih tinggi sebanyak 7.26 berbanding kumpulan kawalan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa bimbingan kelompok berkesan dalam membantu meningkatkan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin di mana mereka bolewh menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Kecerdasan emosi yang stabil amat penting bagi pelajar. Pelajar boleh menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan prestasi minda kognitif dengan cara mempunyai atau menaruh harapan terhadap sesuatu. Kecerdasan emosi yang stabil penting dan perlu ada bagi pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Dengan itu segala kebimbangan, sikap putus asa dan kesedihan yang dialami dapat diredakan. Segala harapan dan keyakinan akan menghasilkan suatu sikap positif yang dapat bertindak sebagai penghalang kepada seseorang itu daripada terjebak dalam tekanan apabila menghadapi masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hamidah (2013) dan Norazwa (2013), semua manusia perlu mempunyai motivasi sama ada motivasi itu diperolehi dari rangsangan luar mahupun wujud dari dalam diri seseorang itu sendiri. Secara konsepnya, motivasi diri merupakan satu sistem saluran perasaan ke arah satu matlamat, mengawal emosi kendiri, melewatkan ganjaran dan menyekat dorongan. Pelajar harus bijak untuk memotivasikan emosi yang bersifat negatif dengan cara berfikir dan merancang untuk menyelesaikan masalah sekaligus berupaya menjadi medium ke arah perubahan emosi yang lebih positif. Momentum dari dalam diri pasti akan menguatkan emosi untuk jadi lebih bersemangat dan bermotivasi dalam menghadapi apa juga situasi sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mampu untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih berhemah apabila berdepan dengan apa juga masalah.

Dengan pengukuhan nilai motivasi diri ini, pelajar akan lebih jelas dengan hala tuju dan matlamat hidup. Visi dan misi dalam perjuangan mencapai kejayaan akan sentiasa dijadikan landasan berasaskan semangat diri yang tidak jemu untuk terus berusaha. Insan yang bermotivasi adalah simbol pada insan yang gigih berjuang ke arah pencapaian matlamat dengan tidak membelakangkan soal etika diri dan nilai-nilai murni sejagat. Aura dan semangat itu juga mampu untuk membuatkan individu lain turut bersemangat dalam hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, komponen motivasi diri dapat meningkatkan sikap, pemikiran dan perlakuan seseorang. Penyelidik berpendapat kecerdasan emosi yang stabil amat perlu pada setiap pelajar supaya mereka mudah faham, berminat dan bermotivasi dalam menyiapkan sesuatu projek yang telah diberi oleh guru.

6.3.5 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Empati

Dapatan kajian kesan bimbingan kelompok terhadap empati merujuk kepada jadual 5.19 dan 5.21. Berdasarkan Jadual 5.19 menunjukkan min empati praujian bagi kumpulan rawatan ialah 13.10, manakala min empati posujian ialah 20.10. Bacaan min praujian dengan bacaan min posujian empati dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7.00. Oleh itu, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

signifikan dalam bacaan min praujian dan posujian empati antara kumpulan rawatan.

Jadual 5.21 menunjukkan min empati posujian bagi kumpulan rawatan ialah 20.10, manakala min empati posujian bagi kumpulan kawalan ialah 12.40. Bacaan min pos ujian empati lebih tinggi bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan iaitu 7.70. Oleh itu, keputusan penyelidikan mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min posujian empati kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Dapatan kajian telah menyokong kajian Ahliza (2008), kemahiran berempati penting menjadi faktor pencetus dan penyubur kemesraan dan keserasian dengan pelajar dalam hubungan interpersonal. Pelajar yang mempunyai sifat empati boleh menyelami kesedihan, kekecewaan, dan kesusahan orang lain terhadap suatu peristiwa yang berlaku. Bagaimana pun sebelum kita cuba mengenali emosi orang lain, terlebih dahulu pelajar mestilah lebih mengenali emosi diri sendiri. Lebih tinggi keupayaan pelajar menyelami emosi sendiri, maka lebih mudah pelajar meneroka dan memasuki emosi orang lain.

Empati merujuk kepada kebolehan individu mentaksir dan menilai emosi orang lain. Menurut Rogers (1957 dalam Faridah, 2011), empati diumpamakan sebagai mengambil alih peranan orang lain dan dapat merasai dan memahami emosi orang lain sama seperti apa yang dirasai oleh orang tersebut. Kemahiran interpersonal ini amat kritikal dalam kalangan masyarakat hari ini khususnya para remaja sekolah. Ramai remaja sekolah menyedari perasan mereka sendiri tetapi sukar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami perasaan orang lain khususnya rakan sebaya mereka. Mereka tidak dapat membaca perasaan dan emosi orang lain.

Kemahiran berempati berkait rapat dengan kebolehan berhubungan dengan orang lain dan membina persahabatan. Masalah hubungan interpersonal yang berlaku dalam kalangan remaja sekolah hari ini adalah berpunca daripada lemahnya penguasaan kemahiran mereka dalam empati. Kebolehan individu berempati dengan orang lain membolehkan remaja membentuk hubungan kolaboratif yang akan membantu dalam penyelesaian masalah.

Kebolehan berempati membolehkan seseorang itu berkembang secara positif dan membina selari dengan Teori Kecerdaan Emosi Mayer dan Salovey (1990 dalam Norazwa, 2013) yang menyatakan bahawa empati ialah kebolehan memahami secara mendalam perasaan orang lain sama seperti apa yang dirasai oleh orang itu. Kerjasama pihak ibu bapa dengan pihak sekolah amat perlu dalam membantu remaja meningkatkan kemahiran berempati. Sebagai contohnya, apabila kaunselor mengadakan program-program sekolah sama ada dalam kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum seperti kemahiran mengurus emosi, kemahiran sosial, kemahiran empati dan kemahiran kesedaran kendiri, program tersebut perlu melibatkan ibu bapa kerana gaya asuhan ibu bapa memberi kesan kepada remaja sekolah di samping ibu bapa dapat memantau perkembangan anak-anak mereka di rumah supaya nilai-nilai murni yang diperoleh daripada kegiatan berkenaan diamalkan dalam kehidupan harian para remaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa intervensi bimbingan kelompok berkesan dalam membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi dari dimensi empati. Empati ini perlu juga dipupuk dalam usaha melahirkan insan kamil seperti yang menjadi tunjang dalam falsafah pendidikan negara. Tanpa nilai-nilai murni yang dipupuk dalam sistem pendidikan masa kini, maka manusia bakal melahirkan manusia tanpa emosi.

6.3.6 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kemahiran Sosial

Dapatan kajian kesan bimbingan kelompok terhadap motivasi diri merujuk kepada jadual 5.23 dan 5.25. Berdasarkan Jadual 5.23 menunjukkan min kemahiran sosial praujian bagi kumpulan rawatan ialah 13.13, manakala min kemahiran sosial posujian ialah 20.67. Bacaan min praujian dengan bacaan min posujian kemahiran sosial dalam kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7.54. Oleh itu, keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min praujian dan posujian kecerdasan emosi umum antara kumpulan rawatan.

Jadual 5.25 menunjukkan bacaan dalam min kemahiran sosial posujian bagi kumpulan rawatan ialah 20.67, manakala bacaan dalam min kemahiran sosial pos ujian bagi kumpulan kawalan ialah 11.60. Bacaan min pos ujian kemahiran sosial dalam kumpulan rawatan lebih tinggi sebanyak 9.67 berbanding kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini telah menyokong kajian Anida (2008), pelajar yang menghadapi salah laku disiplin didapati sukar dalam menjalinkan hubungan dengan orang lain dan menghadapi kesukaran dalam kemahiran interpersonal mampu membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perhubungan yang positif dengan orang lain, menjalin hubungan yang akrab dan mampu membantu orang lain mendapatkan kebahagiaan dan kesejahteraan. Dengan lain perkataan individu tersebut mudah didekati, mempunyai ramai kawan dan boleh mempengaruhi orang lain.

Kajian ini menyokong pendapat Goleman (1999 dalam Sharifah Akmam) yang menegaskan bahawa kemahiran bersosial adalah satu kemahiran yang diperlukan oleh seseorang untuk mengurus pelbagai emosi secara berkesan dalam membina hubungan. Menurut Goleman, mereka yang mempunyai kemahiran sosial mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan jaringannya selain mahir memujuk dan memimpin. Goleman menegaskan lagi bahawa individu yang mempunyai kemahiran bersosial yang berkesan mampu menjadi pakar runding yang baik di samping berkebolehan menyelesaikan konflik bagi mewujudkan kerjasama dan semangat berpasukan dalam sesebuah organisasi.

Dapatan ini selari dengan Goleman (1995 dalam Sharifah Akmam, 2005) iaitu kemahiran sosial yang melibatkan pengendalian emosi bagi mewujud dan membina hubungan interpersonal. Pelajar yang cerdas emosinya berupaya mengurus dan memahami situasi emosinya dengan orang lain. Kebolehan ini dapat membantu pelajar berinteraksi dengan baik. Kemahiran ini juga membolehkan seseorang mempengaruhi dalam menyelesaikan sesuatu konflik yang melibatkan individu.

Oleh itu, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa intervensi bimbingan kelompok berkesan dalam pembentukan kecerdasan emosi dari dimensi kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosial pelajar salah laku disiplin di mana mereka melihat keupayaan diri ke arah yang lebih positif dan berasa selamat dan seronok bersekolah serta tiada gangguan emosi yang berlaku.

Kemahiran sosial yang tinggi akan membantu remaja sekolah meningkatkan kebolehan mereka bertingkah laku positif seperti bertanggungjawab, bekerja dalam satu pasukan, memupuk kebolehan memimpin dan memberi arahan, seterusnya dapat meningkatkan dimensi-dimensi kecerdasan emosi yang lain seperti dimensi kerohanian, dimensi empati, dimensi pengurusan emosi, dan dimensi kesedaran kendiri. Kebolehan individu dalam menguasai kemahiran dalam dimensi-dimensi ini saling berkaitan antara satu sama lain. Individu yang cekap dalam satu dimensi akan membantu mengukuhkan dimensi-dimensi kecerdasan emosi yang lain. Ini selaras dengan Model Empat Cabang Mayer dan Salovey (1997 dalam Norazwa, 2013) di mana gabungan antara lima domain dan lapan kompetensi yang menjadi asas kepada peningkatan kecerdasan emosi individu. Kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Schutte et al. (2001 dalam Hamidah, 2013) di mana beliau mendapati skor yang tinggi dalam kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran sosial yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan intervensi bimbingan kelompok menggunakan modul telah berjaya meningkatkan tahap kemahiran sosial pelajar- pelajar salah laku disiplin bagi kelompok rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh, beberapa implikasi kajian telah dikenal pasti berkenaan dengan kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan implikasi yang dianggap penting iaitu implikasi terhadap pihak sekolah dan unit bimbingan dan kaunseling, implikasi terhadap ibu bapa dan masyarakat serta implikasi terhadap pelajar.

6.4.1 Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Bimbingan Dan Kaunseling

Kajian rawatan bimbingan kelompok yang telah dijalankan di kalangan pelajar salah laku disiplin telah memberi sumbangan yang bermakna kepada kajian-kajian yang lepas dan yang akan datang sama ada secara umum atau spesifik. Melalui kajian yang dijalankan ini, ia mampu memberi kesan terhadap bidang keilmuan bimbingan dan kaunseling di Malaysia kerana dapatan kajian ini dapat membantu menambahkan ilmu pengetahuan dan bahan kajian dalam bidang kaunseling dengan menggunakan pendekatan pemusatan insan.

Pendekatan bimbingan pemusatan insan melihat manusia bermasalah adalah hasil daripada keinginan manusia yang inginkan kesempurnaan kendiri terutamanya memerlukan kecerdasan emosi dari aspek kesedaran diri, pengawalan diri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial yang tinggi. Apabila seseorang tidak dapat mencapai tahap kecerdasan emosi yang dikehendaki, ada kemungkinan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlakulah gangguan psikologi yang mungkin akan merosakkan individu tersebut ke arah pemikiran, emosi dan perlakuan yang negatif seperti tingkah laku salah laku disiplin.

6.4.2 Implikasi Terhadap Pihak Sekolah dan Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah

Kajian yang dilaksanakan juga dapat memberi kesan kepada pihak sekolah. Hasil positif yang ditunjukkan dalam dapatan kajian ini memberi keyakinan dan kepercayaan kepaqda pihak sekolah tentang keberkesanan kelompok bimbingan menggunakan modul sebagai salah satu cara bagi mengatasi permasalahan pelajar. Hasil kajian ini turut menyedarkan pihak sekolah tentang pentingnya kecerdasan emosi yang positif dalam kalangan pelajar ke arah perkembangan yang positif. Justeru, setiap personel sekolah turut memainkan peranan penting bagi membantu pelajar dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka.

Selain itu, unit bimbingan dan kaunseling sekolah boleh mengaplikasikan atau menambah baik modul bimbingan kelompok yang telah digunakan dalam kajian ini. Unit bimbingan dan kaunseling juga boleh menghasilkan pelbagai modul baru yang untuk diaplikasikan dalam bimbingan kelompok dan bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar. Kaunselor juga boleh merangka dan menetapkan jadual untuk perlaksanaan sesi kelompok bimbingan di sekolah seterusnya merancangkan program yang sesuai untuk mereka kelak. Pihak atasan pula perlu memberi sokongan dan ruang kepada sesi kelompok bimbingan untuk dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4.3 Implikasi Teoritikal

Hasil Kajian ini turut memberi kesan kepada teoritikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa intervensi bimbingan kelompok menggunakan pendekatan pemusatan insan membantu mengurangkan gejala salah laku disiplin di sekolah.

Konsep kesempurnaan yang dihuraikan oleh Rogers boleh dikaitkan dengan pandangan mengenai manusia yang mempunyai kecenderungan untuk mencapai kesempurnaan kendiri dan kestabilan emosi. Menurut Alma, Zuria dan Mokhtar (2006 dalam Faridah Din, 2011), pendekatan pemusatan insan sangat sesuai digunakan dalam bimbingan kelompok. Ini kerana tekniknya tidak menimbulkan masalah psikologi kepada klien, walaupun digunakan oleh orang yang belum mahir. Pendekatan pemusatan insan adalah antara pendekatan yang selamat digunakan oleh kaunselor sekolah. Corey (1997), pula melihat bahawa penggunaan pendekatan pemusatan insan mempunyai nilai yang istimewa dalam aplikasi untuk intervensi krisis penerimaan positif, ikhlas, perhatian dan prihatin, pendengaran yang aktif serta respon yang membantu dari guru, kaunselor atau rakan membolehkan pelajar menceritakan masalah mereka dan mencari jalan penyelesaiannya.

6.4.4 Implikasi Terhadap Masyarakat dan Ibu Bapa

Hasil kajian memberi kesan kepada masyarakat dan ibu bapa. Dapatan kajian boleh ditunjukkan kepada ibu bapa subjek dengan tujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang tahap kecerdasan emosi anak-anak mereka. Secara tidak langsung ibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bapa akan lebih memahami dan menyedari tentang punca kepada pembentukan tahap kecerdasan emosi yang negarif dalam diri anak-anak mereka.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, antara faktor yang menyebabkan tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh kurangnya didikan agama dan sokongan sosial daripada individu yang siugnifikan dengan diri mereka. Oleh itu, ibu bapa boleh mengambil iktibar untuk memberi didikan agama dan sokongan positif kepada anak-anak mereka dalam membantu kepada pembentukan tahap kecerdasan emosi yang positif.

Selain itu, masyarakat juga boleh turut membantu memberi sokongan sosial kepada golongan pelajar. Hal ini menjadi tanggungjawab kepada seluruh pihak dan tidak terkecuali golongan masyarakat dalam usaha melahirkan golongan generasi pelapis negara yang benar-benar beriman dan berkualiti di dunia dan juga di akhirat.

6.5 Masalah Menjalankan Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat sekolah menengah dalam Kuala Terengganu, Terengganu sebagai populasi kajian penyelidik. Pada peringkat praujian, soal selidik kecerdasan emosi telah diedarkan kepada semua pelajar tingkatan empat yang bermasalah salah laku disiplin di sekolah. Soal selidik ini digunakan untuk mengesan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Setelah memperolehi maklumat dari soal selidik, penyelidik menyenaraikan nama pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi rendah. Setelah itu, seramai 45 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang memiliki tahap kecerdasan rendah dipilih dijadikan sampel kajian eksperimental praujian dan posujian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Daripada 45 orang pelajar tersebut, seramai 30 pelajar diletakkan dalam kelompok rawatan dan 15 pelajar diletakkan dalam kelompok kawalan. Daripada 45 subjek kajian, terdapat beberapa item soalan yang tidak ditandakan dengan jelas.

Terdapat beberapa orang subjek yang mengisi jawapan soal selidik dengan skala 3 iaitu tidak pasti. Maka, ia sedikit sebanyak mempengaruhi min yang diperoleh dan menyebabkan kesahan dan kebolehpercayaan ujian tersebut rendah. Maka, penapisan borang soal selidik perlu dilakukan oleh penyelidik untuk memastikan hanya borang yang mempunyai SSKE bawah min dipilih sebagai sampel kajian. Bertepatan dengan tujuan utama penyelidik adalah untuk merawat pelajar yang bermasalah salah laku disiplin yang mempunyai tahap kecerdasan emosi min skor rendah ke min skor tertinggi menggunakan persampelan bertujuan.

Semasa menjalankan sesi bimbingan kelompok pada waktu persekolahan, kerjasama daripada pihak sekolah dan guru bimbingan dan kaunseling yang membenarkan pelajar mengikuti sesi bimbingan kelompok pada waktu belajar telah memudahkan penyelidik sebagai fasilitator menjalankan sesi bimbingan kelompok dengan lancar. Fasilitator telah memainkan peranan dengan menjalankan aktiviti untuk menggalakkan penglibatan semua ahli kelompok dan memberi ruang kepada semua ahli kelompok berinteraksi. Dalam pada itu peraturan kelompok juga ditetapkan untuk meningkatkan kepercayaan dan rasa selamat ahli-ahli kelompok ketika berada dalam kelompok tersebut. Oleh kerana kumpulan rawatan adalah terdiri daripada pelajar yang bermasalah salah laku disiplin, risiko pelajar untuk ponteng

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketika sesi bimbingan dijalankan pasti akan ada. Namun, setelah ahli kumpulan rawatan tersebut dimaklumi dan dinyatakan peraturan-peraturan kelompok tersebut, maka tidak ada pelajar yang tidak hadir ketika sesi bimbingan kelompok dijalankan.

Selain itu, saiz bilik sesi bimbingan kelompok yang kecil untuk memuatkan lima belas orang ahli kelompok termasuk seorang fasilitator telah menampakkan satu suasana yang kurang selesa di antara ahli kelompok. Ini kerana keadaan bilik sesi bimbingan kelompok kurang kondusif iaitu agak panas. Sikap ahli kelompok yang suka bercakap dan suka berbual sesama ahli kelompok kadang kala mempengaruhi mood dan tumpuan fasilitator dalam mengendalikan sesi. Namun begitu, setiap permasalahan dan halangan yang timbul dapat diatasi oleh penyelidik dengan kemahiran- kemahiran dan ilmu bidang kaunseling yang telah dipelajari sehingga berjaya menamatkan lapan sesi bimbingan kelompok bersama ahli-ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.6 Saranan dan Cadangan Penyelidikan Masa Akan Datang

Oleh kerana kajian ini dijalankan dalam masa yang singkat, telah menyebabkan penyelidik tidak menjalankan (*following up*) terhadap kesan rawatan bimbingan kelompok. Bagi memastikan ketahanan kesan rawatan bimbingan kelompok, penyeliaan secara berkala perlu dilakukan. Subjek ini perlu diuji dan diukur melalui instrumen tertentu mengikut sela masa tertentu seperti dua bulan sekali atau empat bulan sekali selepas tamatnya rawatan. Melalui ujian susulan ini, kebolehpercayan kesan rawatan bimbingan kelompok adalah dijamin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, untuk menjalankan kajian pada masa hadapan diharapkan kaedah rawatan yang akan dijalankan dapat mengguanakan pelbagai kaedah dan teknik kaunseling. Dalam kajian ini, kaedah rawatan hanya terhad menggunakan sesi bimbingan kelompok yang dijalankan selama lapan sesi sahaja. Selain itu, dicadangkan agar kaedah rawatan lain seperti sesi bimbingan individu, sesi kaunseling kelompok, program-program motivasi serta pelbagai kaedah kaunseling lain yang boleh digunakan dalam merawat dan menangani salah laku disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah.

Selain itu, faktor etnik juga boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah yang dikawal. Kajian ini hanya melibatkan subjek kajian yang berketurunan melayu. Hal ini menyebabkan wujudnya kumpulan subjek kajian yang agak homogenius. Kajian ini tidak dapat membuat generalisasi kesan rawatan terhadap kumpulan etnik yang lain seperti india, cina dan orang asli. Maka adalah dicadangkan untuk kajian akan datang supaya mempelbagaikan komposisi etnik dalam ahli kelompok bagi mewujudkan kelompok rawatan yang heterogenius.

Oleh itu, diharapkan cadangan-cadangan tersebut dapat memberikan kebaikan kepada mutu kajian pada masa akan datang dan sekaligus memberikan pandangan yang positif keatas bidang bimbingan dan kaunseling dalam negara mahupun di luar negara.

Kajian ini khusus untuk pelajar Melayu tingkatan empat sahaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah. Kajian ini lebih banyak bertumpu kepada mereka yang mempunyai masalah salah laku disiplin. Kajian ini tidak dapat membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

generalisasi kesan rawatan terhadap kumpulan etnik yang lain seperi cina, india dan orang asli. Maka untuk memastikan kajian yang akan datang lebih memberangsangkan, sampel kajian mungkin boleh dipilih daripada komposisi etnik ahli kelompok bagi mewujudkan kelompok rawatan yang heterogenius.

Selain itu, kajian ini adalah dijalankan di sebuah sekolah sahaja. Maka dicadangkan untuk kajian akan datang, kajian tersebut dialihkan kepada populasi kajian di beberapa buah sekolah pula untuk melihat kesan rawatan bimbingan kelompok terhadaop pelajar-pelajar di sekolah lain yang menghadapi masalah yang sama.

Hasil kajian telah menunjukkan kesan rawatan bimbingan kelompok dengan menggunakan pendekatan pemusatan insan. Namun kajian pada masa akan datang dapat dikendalikan dengan menggunakan pelbagai lagi kaedah dan teknik rawatan serta menggabungkan pendekatan lain dengan pendekatan Islam. Oleh itu, dicadangkan untuk kajian yang akan datang, pendekatan lain seperti terapi realiti, teori tingkah laku Gestalt digabungkan dan digunakan dalam rawatan bimbingan kelompok serta lebih banyak modul baru dicipta bersesuaian dengan pelbagai jenis permasalahan pelajar.

Disebabkan faktor masa yang terhad, maka penyelidik tidak menjalankan *‚following up'* terhadap kesan rawatan tersebut. Hal tersebut telah menimbulkan persoalan terhadap ketahanan kesan rawatan terhadap subjek. Subjek kajian perlulah diukur mengikut sela masa tertentu seperti dua bulan sekali atau empat bulan sekali selepas tamatnya rawatan. Melalui ujian susulan ini, penyelidik dapat memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

